

DEWAN MAJLIS**Rabu, 7 Jamadilakhir 1437 / 16 Mac 2016****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

(Tidak hadir atas urusan rasmi)

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.

(Tidak hadir)

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL. Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**Mesyuarat mula bersidang
pada pukul 9.00 pagi**

Yang Dimuliakan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini, iaitu hari yang kesembilan, Rabu, 7 Jamadilakhir 1437 bersamaan 16 Mac 2016, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya jua kita dapat sekali lagi bersama-sama hadir di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara

yang bersidang pada hari ini iaitubhari yang kesembilan.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Sayiddina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasalam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman. Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebagaimana lazimnya Susunan Kerja kita pagi ini, kita akan mendahulukan Perkara V Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis Bagi Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis yang akan dijawab secara lisan oleh Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan Yang Telah Diberi Notis No.26 daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Kaola akan membawa Soalan Yang Telah Diberi Notis kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan iaitu:-

Mengenai Tanah Runtuh dan Susur. Kejadian tanah runtuh dan susur berlaku setiap tahun pada musim hujan bulan September hingga Disember di negara ini yang mengakibatkan kerosakan rumah dan jalan-jalan raya.

Kejadian ini ialah disebabkan antara lain:-

1. Pergerakan tanah atau batuan serta bahan yang membentuk sesuatu cerun (*escarpment*) di bawah pengaruh graviti bumi yang merupakan semula jadi seperti hakisan sungai dan proses luluhhawa;
2. Akibat daripada aktiviti manusia yang mengubah cerun bukit tanpa kawalan dan sukat-sukat *standard*; dan
3. Kekurangan pengikat akar pokok kepada tanah disebabkan penebangan kayu-kayan di bukit-bukit atau kawasan tinggi bagi maksud perumahan menyebabkan mengurangkan kestabilan cerun dan tanah menjadi tepu menambahkan lagi aliran air hujan.

Soalan saya ialah:-

1. Apakah tindakan awal yang dibuat oleh pihak yang berkenaan di kementerian ini sebelum sesuatu aktiviti pemotongan cerun dilakukan oleh syarikat-syarikat atau orang awam?
2. Sebagai satu tindakan pencegahan sebelum satu-satu kejadian yang tidak diingini berlaku, adakah kajian tanah dibuat terhadap cerun atau bukit yang mempunyai kawasan perumahan di lereng atau di bawahnya?; dan
3. Apakah tindakan undang-undang yang dikenakan kepada syarikat-syarikat atau orang awam yang

meneroka atau mengganggu kestabilan tanah yang memberi kesan dan risiko bencana kepada tanah atau kawasan orang lain?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit berhubung dengan Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis tadi.

Mengenai soalan apakah tindakan awal yang dibuat oleh pihak yang berkenaan di kementerian ini sebelum sesuatu aktiviti pemotongan cerun dilakukan oleh syarikat-syarikat atau orang awam? Sebelum kerja-kerja tanah atau pemotongan cerun dapat dilaksanakan, orang awam atau syarikat-syarikat yang akan memajukan mana-mana tanah hendaklah melantik orang yang berkelayakan atau *qualified person* yang berdaftar dengan *Board of Architect Professional Engineers and Quantity Surveyor (BAPEQS)* untuk menyediakan lukisan cadangan kerja tanah dan seterusnya menghadapkan ke divisyen Pihak Yang Berkuasa Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (*ABCi*) untuk mendapatkan kebenaran kemajuan, memulakan kemajuan dan persiapan kemajuan.

Mana-mana pihak yang melakukan aktiviti kerja tanah, pemotong cerun tanpa kebenaran aktiviti tersebut adalah dikehendaki untuk diberhentikan dengan serta-merta. Jika terjadi tanah susur pada cerun-cerun, pihak Jabatan Kerja Raya akan membuat pemeriksaan secara *visual* setelah menerima aduan dan seringkali mencadangkan supaya pihak pemaju melantik jurutera profesional yang berdaftar dengan *BAPEQS* di Kementerian Pembangunan bagi mereka bentuk sebarang kemajuan tanah, struktur dinding penghadang tanah atau mana-mana sistem perlindungan cerun. Ini kerana pada dasarnya, jika tanah runtuh terjadi di tanah persendirian, maka kerja-kerja pemotongan cerun adalah tanggungjawab pihak pemaju itu sendiri.

Saya beralih kepada soalan iaitu sebagai satu tindakan pencegahan sebelum sesuatu kejadian yang tidak diingini berlaku, adakah kajian tanah dibuat terhadap cerun atau bukit yang mempunyai kawasan perumahan liring atau di bawahnya? Sebagai menjawabnya, kajian tanah hanya dilaksanakan bagi projek-projek kerajaan sahaja dan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Teknikal di Jabatan Kerja Raya.

Sementara itu, kajian tanah bagi projek-projek ke atas tanah persendirian adalah menjadi tanggungjawab pihak pemilik tanah atau pemaju itu sendiri.

Pemaju atau pemilik tanah hendaklah melantik Jurutera *Civil and Structural* yang berdaftar dengan *BAPEQS* yang akan memberikan khidmat nasihat tentang apa yang mesti dibuat dan apa yang diperlukan sebelum lukisan cadangan kerja tanah dapat disediakan.

Jurutera *Civil and Structural* juga bertanggungjawab untuk memastikan cadangan kemajuan kerja tanah adalah stabil dan kukuh dengan membuat kajian terhadap tanah tersebut.

Soalan apakah tindakan undang-undang yang dikenakan kepada syarikat-syarikat atau orang awam yang meneroka atau mengganggu kestabilan tanah yang memberi kesan dan risiko bencana kepada tanah atau kawasan orang lain?

Merujuk kepada *Building Control Order 2014*, setiap pemaju atau pemilik tanah, *qualified person* dan pembina mempunyai tanggungjawab masing-masing dalam melaksanakan dalam setiap projek atau *building works* termasuk kerja tanah. Jika mereka tidak melaksanakan tanggungjawab mereka boleh didakwa jika didapati bersalah boleh dikenakan hukuman denda, penjara atau kedua-duanya sekali. Di samping itu, *qualified person* juga terikat dengan perintah *Architect Professional Engineers and Quantity Surveyor 2011* dalam memberikan perkhidmatan profesional masing-masing.

Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya melalui Bahagian Kaji Tanah dan Kaji Bumi hanya bertanggungjawab

untuk membuat pemeriksaan ke tapak tanah susur dan membuat penganalisan serta khidmat nasihat awal dari segi teknikal sahaja. Pada lazimnya bila kejadian kemalangan berlaku ke atas tapak kemajuan, tapak kejadian akan ditutup atau *diquadrant off* oleh pihak Polis Diraja Brunei bagi mengelakkan pihak-pihak yang tidak berkenaan memasuki kawasan tersebut.

Jabatan Buruh melalui *Workforce Safety and Health Order 2009*, iaitu Perintah di bawah pentadbiran jabatan tersebut akan mengeluarkan *work stop order* bagi menjalankan penyiasatan selanjutnya dari pihak-pihak yang berkaitan. Jika kejadian kemalangan melibatkan kematian, *workers compensation insurance* akan dituntut kepada pemaju yang pada lazimnya disediakan bagi urusan selanjutnya. Selain itu, insurans pekerja juga sepatutnya disediakan oleh pihak majikan akan dituntut. Pihak pemaju perlu menghadapkan laporan kemalangan dan tindakan pembetulan (*corrective measure report*) bagi menyediakan keadaan bekerja yang selamat (*safe working environment*) kepada pentadbir *Work Place Safety and Health Order 2009*.

Tindakan lebih tegas akan diambil dan dilaksanakan mengikut Akta dan Perintah yang berkuat kuasa pada masa ini dan bagi memastikan pihak-pihak yang terlibat dalam pelaksanaan projek kemajuan kerja tanah dan bangunan mengetahui tanggungjawab masing-masing dan mematuhi undang-undang

yang telah ditetapkan. Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Soalan No. 27 yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi kerana Jawatan dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya akan mengajukan soalan yang telah diberi Notis kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Soalan saya ialah Masjid Kampung Sengkarai.

Pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara tahun 2013 yang lalu, saya pernah menimbulkan mengenai tergendalanya pembinaan Masjid Kampung Sengkarai dan telah pun dimaklumkan bahawa kontrak atau pemborong yang dipilih telah menarik diri dan projek tersebut terpaksa *ditenderkan* semula. Pada tahun 2014 dan 2015, rakan-rakan saya di sebelah sini juga pernah menyuarakan tentang kelambatan ini walaupun kerja-kerja pembinaan dimulakan. Pada pertengahan tahun 2015 didapati bahawa kerja-kerja pembinaan masjid tersebut terhenti sekali lagi.

Soalan saya:-

1. Apakah sebabnya kerja-kerja pembinaan itu terhenti? Adakah pemborong atau kontraktor tersebut tidak mampu untuk menyiapkan kerana memberi tawaran yang rendah?;
2. Adakah kementerian atau jabatan berkenaan sebelum membuat sokongan meneliti profil dan prestasi pemborong atau kontraktor yang disokong atau hanya menyokong penender yang rendah dengan tidak mengira tentang risikonya; dan
3. Bilakah jangkanya projek ini akan dapat disiapkan dan boleh digunakan oleh penduduk di sana?

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Assalamu'ala Manitiba'al Huda. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar kerana perkara ini menjadi perhatian ramai terutama sekali penduduk di Daerah Tutong, khususnya di Kampung Sengkarai. Memang betul bahawa projek Masjid Kampung Sengkarai ini tergendala dan menghadapi masalah sehinggalah sekarang ini dimulakan kerja dengan pelantikan kontraktor yang baharu.

Kaola ringkaskan sahaja jawapan kaola kepada ketiga-tiga soalan tersebut. Projek itu terhenti bukanlah kerana hal yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tetapi apa yang diketahui ada masalah daripada kontraktor berkenaan walaupun telah diberikan tempoh lanjutan untuk memudahkannya namun tidak juga dapat disudahkan. Kontraktor yang dipilih bukanlah yang selarah-larahnya, pemilihan berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh pihak yang berkuasa, garis panduan JKR untuk melantik kontraktor atau pemborong. Kontraktor yang diberikan projek itu mempunyai *contract record* yang sangat baik.

Bagaimanapun, projek ini telah dimulakan semula dengan pemborong yang baharu. Kontraknya bermula pada 2 November 2015 dengan harga \$3,833,000.00 dari Dana Al-Gharimin. Insya-Allah dalam kontrak perjanjian ditetapkan akan siap selama setahun iaitu pada 3 Disember 2015. Kementerian Hal Ehwal Ugama percaya, kalau tidak ada lagi halangan projek ini akan siap mengikut sebagaimana yang dijadualkan melihat kepada progresnya pada masa ini. Itu sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Yang Dimulikan Jurutulis: Soalan Jawab Mulut No. 28 daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan saya adalah pengiktirafan anak luar nikah sebagai anak yatim.

Pada bulan Oktober tahun lepas, telah dilaporkan melalui media tempatan bahawa jumlah anak yatim yang berdaftar dengan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah telah meningkat sebanyak 130 peratus, iaitu dari jumlah 1,756 orang pada tahun 2014 meningkat kepada 4,044 orang pada tahun 2015. Walaupun di negara ini kadar kematian dalam kalangan kaum lelaki lebih tinggi daripada kaum perempuan, namun kadar kematian secara keseluruhan pada kebelakangan ini tidak menunjukkan sebarang peningkatan yang serius yang boleh menjadi penyebab ke atas meningkatnya jumlah anak-anak yatim yang begitu mendadak (*drastic*) seperti yang telah dilaporkan.

Memang setiap kanak-kanak yang dilahirkan berada dalam keadaan fitrah bersih tanpa dosa. Ini termasuklah anak luar nikah yang juga wajib diberikan layanan yang baik. Anak luar nikah juga mempunyai status atau taraf tertentu tertakluk bila ia dilahirkan selepas pernikahan kedua ibu-bapanya.

Kaola ingin bertanya, kenapa di Negara Brunei Darussalam, anak luar nikah

diiktiraf sebagai anak yatim? Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman. Mengapa yang sedemikian itu diiktiraf sebagai anak yatim. Secara ringkas dapat ia diiktiraf sebagai anak yatim berdasarkan kepada hukum syarak, sebagaimana yang difatwakan oleh Mufti Kerajaan yang diterbitkan dalam buku Fatwa 2001 halaman 231 yang memetik nas daripada kitab Hashiah Al-Baiduri jilid II muka 281 yang menyebutkan seperti berikut:-

Anak-anak Yatim itu ialah:-

1. Kanak-kanak yang tidak mempunyai bapa;
2. Kanak-kanak daripada anak luar nikah;
3. Anak Pungut; dan
4. Kanak-kanak yang dinafikan dengan sebab diat atau sumpah antara suami isteri bagi menafikan keturunannya atau nasabnya.

Berdasarkan kepada hukum syarak, demikianlah pengiktirafannya dan ini memang tidak ada disebutkan dalam mana-mana akta. Hatta, dalam Undang-Undang Keluarga Islam 1999 Penggal 2017 tidak menyebutkan sedemikian.

Alhamdulillah, kita di Brunei apabila sesuatu perkara hendak ditetapkan, tiada undang-undang yang tertentu dan dasar-dasar tertentu, kita merujuk kepada hukum syarak dan sah bahawa hukum syarak mengiktirafnya sebagai anak yatim. Terima kasih.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Soalan No.29, yang akan dibawakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Alhamdulillah Rabbil'alameen Wassalatu Wasalamu 'Ala Asyrafil Anbiae Walmursaleen, Saidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan kaola kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai agihan zakat. Hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mengatasi kemiskinan di negara ini disanjung tinggi. Antaranya ialah dengan secara pengagihan zakat kepada mereka yang berhak.

Soalan saya:-

1. Dari sejak pengagihan zakat pada tahun 2009, sejauh manakah sudah perkembangan pengagihan zakat kepada pemohon-pemohon

di semua daerah, terutamanya di Daerah Temburong, dan adakah menampakkan kejayaan dalam mengatasi kemiskinan kepada fakir miskin di negara ini? dan;

2. Apakah sudah ada program bantuan yang telah dan sudah diberikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui jabatan berkenaan kepada golongan miskin seperti latihan-latihan kemahiran, bantuan dalam usaha perniagaan dan pekerjaan untuk membolehkan mereka berdikari dan terkeluar daripada kepompong kemiskinan dan tidak hanya bergantung semata-mata pada bantuan dari kumpulan wang zakat?

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad wakil dari Daerah Temburong. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola memohon menjawab agak panjang sedikit dari soalan yang lain.

Memang diketahui bahawa antara Asnaf yang berhak menerima zakat ialah orang-orang yang fakir dan miskin. Pada tahun 2009 membawa kepada 2010, 2011, 2012 dan 2013 seramai 38,835 orang yang menerima agihan baki wang zakat yang terkumpul sekian lama dan sekian banyak jutanya itu. Dalam

pengagihan tersebut masing-masing mendapat sejumlah agihan yang ditentukan menurut kategori-kategori bagi tempoh 12 bulan, atau tempoh 36 bulan atau 60 bulan mengikut yang ditetapkan kategorinya.

Perkiraannya berdasarkan kepada hadul fardu kifayah atau had minimum perbelanjaan bagi keperluan asasi seseorang. Had minimum tersebut ialah sebanyak \$253 sebulan bagi seorang mengikut perkiraan Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi. Had ini masih terpakai sampai sekarang bagi Majlis Ugama Islam Brunei. Jika seorang itu pendapatan bulannya berjumlah \$1,000 dengan anggota keluarganya seramai 5 orang termasuk dirinya, maka \$1,000 itu dibahagi kepada 5 jumlahnya iaitu \$200, maka ia di bawah daripada \$253, keluarganya itu tergolong dalam golongan miskin.

Lain dengan halnya bagi fakir. Fakir adalah orang yang tidak mempunyai apa-apa kecukupan pada satu hari untuk belanjanya, dan juga tidak mempunyai barang untuk dijualnya bagi mencukupi akan keperluannya itu, ertinya fakir bukan miskin. Had minimum itu perlu difahami, bukanlah *official poverty* lain yang dipakai bagi negara ini. Kita tidak mempunyai *official poverty* lain. Namun ia digunakan bagi perkiraan menentukan kadar agihan zakat kepada fakir miskin. Ia diguna pakai sehingga pada masa ini dengan penerima-penerima dari kalangan Asnaf fakir dan miskin berserta tanggungannya boleh dikatakan dengan pemberian selama 12

bulan, 24 bulan, 36 bulan atau 60 bulan, setahun, 2 tahun, 3 tahun dan 5 tahun itu berdasarkan kepada perkiraan ini. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Maka penerima-penerima itu memang sudah cukup untuk perbelanjaan asasinya. Dari segi syarak, maka mereka itu istilahnya "sudah kaya dan dikayakan". "Kaya dan dikayakan" itu maksudnya, terlepas daripada perlu mengemis dan meminta-minta, kerana sudah ada perbelanjaan yang diperuntukkan bagi mereka diagihkan daripada wang zakat.

Sebahagian mereka yang memerlukan perumahan pun juga telah disewakan rumah yang bayarannya antara \$350-\$500 sebulan. Hal ini menepati tujuan syarak yang mewajibkan zakat itu dibayar, dikutip, dikumpul dan diagihkan kepada yang berhak supaya mereka yang berhak itu dari kalangan fakir miskin tidak perlu keluar meminta-minta dan mengemis. Sebuah hadis dalam konteks zakat fitrah berbunyi:-

"أَغْنَوْهُمْ عَنِ الْمَسْأَلَةِ فِي مِثْلِ هَذَا الْيَوْمِ"

"Kayakanlah mereka itu, lepaskanlah mereka itu daripada meminta-minta pada hari ini, iaitu pada bulan Ramadan, membayar zakat fitrah dan juga termasuk pada hari raya" itu bagi soalan yang pertama.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Menjawab soalan adakah sudah program bantuan kepada golongan miskin seperti latihan kemahiran, bantuan usaha niaga dan pekerjaan

yang membolehkan mereka akhirnya berdikari dan terkeluar daripada kepompong kemiskinan.

Dalam perkara ini kaola, ingin menegaskan bahawa selama ini memang program sedemikian telah ada agihan kepada Asnaf Zakat untuk memungkinkan mereka itu pada akhirnya tidak lagi bergantung pada agihan zakat telah dibuat bantuan modal untuk berniaga, bantuan mesin jahit umpamanya untuk mengambil upah menjahit, bantuan peralatan seperti pukot dan perahu bermotor untuk menangkap ikan dan perahu bermotor untuk usaha pengangkutan motor tambang.

Di samping itu ada juga bantuan bayaran yuran sekolah atau bayaran belajar di pusat-pusat pengajian tinggi bagi Asnaf yang bukan rakyat iaitu Penduduk Tetap kesemua itu dalam usaha mengupayakan mereka untuk berdikari pada akhirnya.

Program Pengupayaan umpamanya lagi iaitu Program Asnaf Zakat memang disebut *PROPAZ* (Program Pengupayaan Asnaf Zakat). Sejak 2007 Program *PROPOAZ-PPB* yang bersikut kepada Pusat Pembangunan Belia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan *PROPAZ-PERANTIS* dengan kerjasama dan sokongan beberapa buah syarikat sektor swasta.

Seramai 193 orang menyertai program *PROPAZ-PPB* iaitu 139 orang dari Daerah Brunei Muara, 29 orang dari Daerah Temburong, 14 orang dari

Daerah Belait dan 12 orang dari Daerah Tutong. Pada masa ini seramai 22 orang sedang menjalani penempatan kerja di syarikat-syarikat swasta di seluruh negara selama 6 bulan.

Sementara itu seramai 40 orang lagi menyertai *PROPAZ-PERANTIS*. Pada masa ini 30 orang daripadanya sedang menjalani latihan kemahiran kerja di syarikat-syarikat swasta seperti *Setia Motor Sdn Bhd, Serikandi, Hyatt, Telbru, Borneo United, The Rizqun International Hotel* dan banyak lagi.

Peserta program *PROPAZ* boleh dikira berjaya diupayakan dengan mempunyai pekerjaan setelah memperolehi latihan kemahiran. Berdikari dengan menubuhkan usaha niaga sendiri yang setakat ini kira-kira 70 peratus bekas peserta *PROPAZ-PPB* yang bersikut kepada Pusat Pembangunan Belia dan kira-kira 50 peratus bekas peserta *PROPAZ-PERANTIS* telah berdikari dan tidak lagi memerlukan agihan zakat. Mereka yang muda umurnya meneruskan pelajaran mereka manakala selebihnya ada antaranya gagal dalam usaha mereka.

Ada contoh tentang kejayaan program berkenaan, kaola berikan 3 contoh sebagai *success story* yang menandakan pencapaiannya cemerlang program *PROPAZ*:-

1. Seorang pemuda berusia 32 tahun, Awang Saifullah bin Sahari, sekarang ini memiliki syarikat sendiri termasuklah syarikat pembinaan rumah. Syarikatnya pada masa ini

mempunyai bengkel sendiri di Kampung Tanjung Bunut;

2. Seorang wanita berumur 43 tahun, Dayang Salmiah binti Tarang, bergiat dalam perniagaan kuih-muih dan mempunyai syarikat katering. Produk kueh-mueh beliau telah juga dibawa oleh *MIPR* ke luar negeri menyertai ekspo. Dayang Salmiah juga menjalankan perniagaan *homestay* melalui *Seri Tanjung Tourism Services Centre* iaitu satu usaha *MPK* Kampung Sungai Bunga, Mukim Kota Batu; dan
3. Seorang wanita juga berumur 49 tahun Dayang Saleha binti Pengarah Haji Basi. Beliau juga bergiat dalam pembuatan kuih tradisional sehingga menjadi pembekal kepada beberapa kedai atau syarikat yang menyalurkan pemasarannya.

Begitulah usaha berterusan yang lebih kemas dan diakui perlu diadakan dilaksanakan pada masa ini dan pada masa akan datang. Cabaran yang penting bagi kaola ialah untuk mengembangkan usaha pengupayaan ini. Kaola berseru kepada asnaf yang masih sihat dan segar bugar, bukan yang sudah berusia yang tidak boleh berkerja tampil untuk mengikuti program-program yang pada masa ini sedang berjalan.

Insya-Allah beberapa program lagi akan menyusul, mereka tampillah untuk kebaikan diri sendiri bukan hanya bergantung pada agihan zakat bagi satu

tempoh-tempoh tertentu dan jadilah seperti contoh 3 orang yang kaola sebutkan itu tadi. Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Soalan No.28 daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Soalan saya adalah mengenai program-program bantuan kebajikan yang ditujukan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dalam ekonomi yang lembab dan jumlah golongan yang memerlukan bantuan meningkat dari setahun ke setahun, kaola bertanya apakah pembaharuan strategik yang telah dikenal pasti oleh kepimpinan yang baharu dalam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan dilaksanakan bagi memperbaiki, memperkesakan atau meningkatkan keberkesanan program-program bantuan kebajikan yang dijalankan selama ini ke atas golongan rakyat yang kurang bernasib baik. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola/Saya merakamkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman atas soalan tersebut dan juga keprihatian yang berterusan daripada Yang Berhormat Datin mengenai perkara program bantuan kebajikan ini. Respons kaola dalam hal ini selaku agensi utama yang bertanggungjawab dalam memberikan bantuan kebajikan kepada golongan yang kurang bernasib baik di negara ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan terus memperkukuhkan lagi strategi dalam meningkatkan keberkesanan program-program bantuan kebajikan yang telah dijalankan selama ini, termasuklah dengan mencadangkan program-program baharu di samping mempertingkatkan lagi koordinasi yang sudah terjalin dengan agensi-agensi lain dalam mempertingkatkan dan menyelenggarakan program-program membasmi kemiskinan di negara ini.

Melalui Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial (MKIS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah pengerusinya. Melalui beberapa mesyuarat terkini kebelakangan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengorak beberapa pembaharuan yang bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan tindakan bagi mengatasi dan membantu warga yang mudah atau terdedah kepada risiko-risiko kemiskinan atau masalah sosial (*vulnerable*) untuk keluar

daripada kepompong kesusahan dan juga kemiskinan iaitu:-

1. Kementerian ini akan memberikan fokus kepada 100 orang penerima Bantuan Kebajikan Bulan (BKB), untuk permasalahan mereka diambil tindakan secara bersepadu oleh semua jawatankuasa khas, untuk dikeluarkan daripada kemiskinan dengan kaedah-kaedah yang sesuai dan mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan;
2. Meningkatkan pemantuan Penerima Bantuan Kebajikan Bulanan. Seterusnya mengenal pasti garis panduan pemberian bantuan kebangsaan dengan menggunakan Kadar Kos Minimum Keperluan Asas (KAMKA) untuk diguna pakai sebagai sukat-sukat bagi pemberian apa jua bantuan dan pensejajaran dasar dan prosedur yang diguna pakai oleh pelbagai agensi seperti Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Pendidikan, Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan; dan
3. Seterusnya merangka program bantuan kebangsaan baharu dengan menggunakan garis panduan yang telah dipersetujui di atas dengan menggunakan 2 bentuk program bantuan yang berasingan iaitu:-
 - i. Program Bantuan bagi mereka yang benar-benar tidak dapat bekerja atau mencari pekerjaan seperti orang kurang upaya,

uzur, tua dan mereka yang berrisiko tinggi untuk terjerumus kepada kemiskinan (seperti penjaga kepada orang-orang kurang upaya dan lain-lain); dan

- ii. Program Insentif Pekerjaan dengan memberi fokus kepada golongan yang tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk menyara kehidupan seharian dan persekolahan anak-anak melalui pemberian insentif agar mereka akan dapat terus bekerja; dan
4. Seterusnya untuk mencadangkan sumber kewangan yang lebih berdaya tahan untuk membiayai program-program bantuan melalui pelan tindakan yang berkaitan ke arah menangani isu kemiskinan dalam beberapa buah jawatankuasa khas diterajui oleh kementerian ini. Misalannya, Jawatankuasa Khas Isu Kemiskinan dan Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga dan Isu Wanita.

Hendaklah dipastikan tindakan-tindakan yang dinyatakan dalam pelan tersebut akan dikemaskinikan lagi ke arah memastikan keberkesanan pelaksanaannya dan kementerian ini akan memastikan setiap program yang dirancang akan disediakan pada pencapaian yang dapat dilaksanakan atau *deliverable milestone* dan *Key Performance Indicators* yang lebih menjurus kepada pencapaian hasil kejayaan selaras dengan strategi jaminan sosial dalam Wawasan Brunei 2035.

Dalam membantu mereka yang tidak bernasib baik, program yang diunggakahkan pada tahun-tahun sebelumnya juga diteruskan pada tahun ini dan seterusnya dengan hala tuju program ini ke arah meningkatkan penyertaan para belia, terutamanya kumpulan sasaran program.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga menghadapi cabaran dalam memastikan sejauh mana bantuan kebajikan akan dapat diberikan secara lebih berdaya tahan memandangkan terdapatnya peningkatan jumlah penerima bantuan dari semasa ke semasa.

Berkaitan dengan ini sangat bertepatan sekali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bagi penyerapan positif *mindset* kepada rakyat supaya mereka lebih matang bertindak selaras dengan tuntutan zaman. Titah baginda ini perlu difahami dan diamati agar pemikiran yang suka bergantung pada bantuan dalam kalangan masyarakat itu dapat ditukar kepada yang lebih positif dan produktif.

Dari beberapa permuzakarahan dari pelbagai pihak, cabaran utama yang dikenal pasti dalam menangani isu kemiskinan serta cabaran dalam mengunggakahkan apa saja program pembasmian kemiskinan ialah mentaliti

masyarakat yang masih bergantung sepenuhnya pada bantuan kerajaan.

Sehubungan dengan ini juga, kaola mengalu-alukan pandangan dan pemikiran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai kaedah-kaedah yang lebih berkesan bagi mengubah mentaliti masyarakat khususnya penerima-penerima Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) ini.

Adalah diharapkan dengan adanya garis panduan baharu dalam Program Baharu Bantuan Kebangsaan ini nanti akan lebih fokus untuk membantu golongan atau kumpulan yang benar-benar perlu dibantu dari segi kewangan dan akan diberikan latihan dan program kemahiran dan pekerjaan. Diharapkan jua program seumpama ini akan mengurangkan budaya yang terlalu suka bergantung pada bantuan kerajaan dalam kalangan masyarakat dan sekali gus menggalakkan budaya berdikari.

Sekianlah saja respons dari kaola. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah mendengar beberapa Soalan Yang Telah Diberi Notis yang disuarakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik dan soalan-soalan mereka yang berkenaan telah pun dijawab oleh beberapa orang Yang Berhormat Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan.

Segera sekarang kita berpindah untuk membincangkan Rang Undang-undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Bagi membolehkan Rang Undang-undang ini diteliti sebagaimana biasa satu per satu, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya untuk menimbangkan dan meneliti Rang Undang-undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Pada Mesyuarat Jawatankuasa pada petang semalam, kita telah membahaskan Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Seramai 12 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah mengemukakan beberapa pertanyaan atau soalan-soalan. Soalan-soalan serta beberapa pertanyaan bagi 4 orang Ahli Yang Berhormat itu telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan selebihnya, saya kira, ia akan menjawab lagi pada pagi ini. Walau macammanapun, dalam senarai saya masih ada 3 orang lagi Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyertai perbahasan mengenai dengan Tajuk Jadual ini.

Selanjutnya, saya telah difahamkan sebelum saya menjemput Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk memberikan respons atau reaksinya, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ingin pula untuk mendapat kesempatan atau laluan untuk menjelaskan bahawa beberapa pertanyaan yang belum sempat dijawabnya. Maka saya sekarang memberikan kebenaran bagi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk membuat kenyataannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan laluan kepada kaola untuk menjelaskan perkara yang tidak sempat kaola simbat dalam jawapan-jawapan kaola sebelum ini.

Soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai apakah usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mengadakan aplikasi secara *online* untuk orang ramai mengetahui senarai restoran halal di negara ini dan senarai bahan-bahan makanan dan minuman yang telah diiktiraf halal bagi tujuan memudahkan permohonan sijil atau permit halal.

Secara ringkas dapat kaola nyatakan bahawa aplikasi halal (*halal management tracking system*) sedang diusahakan oleh pegawai di Bahagian Kawalan Makanan Halal dan insya-Allah apabila semua proses yang bersesuaian untuk menggunakan aplikasi tersebut selesai ia akan dipromosikan kepada orang ramai.

Bahan-bahan halal yang diberi label halal oleh Majlis Ugama Islam Brunei insya-Allah akan dipamerkan dalam aplikasi tersebut. Sementara bahan-bahan yang diiktiraf halal oleh badan pensijilan halal luar negeri sedang dalam penelitian sama ada dapat dipamerkan dalam aplikasi berkenaan dengan mengkaji aspek-aspek dari segi peraturan pengiklanan dan juga *intellectual property (IP)* daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Kalau kemudahan-kemudahan ini sudah jelas, maka bahan-bahan yang sedemikiannya diiktiraf halal oleh badan-badan pensijilan halal luar negeri tidak berlawanan dengan aturan-aturan pengiklanan dan berhubungan dengan *IP* insya-Allah ia juga dimuatkan di dalam aplikasi yang sedang dirancang itu.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang berjalan sehingga pada masa ini bahan-bahan yang diiktiraf halal oleh pihak pensijilan halal kita sendiri iaitu Bahagian Kawalan Makanan Majlis Ugama Islam Brunei dan juga bahan-bahan yang diiktiraf halal oleh badan-badan persijilan halal di luar negeri itu disediakan sudah dalam bentuk cekera padat untuk diberikan kepada pemohon-pemohon yang berkenaan.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai wang Tabung Masjid untuk digunakan bagi membina gelanggang sukan di kawasan masjid. Secara ringkas dapat kaola nyatakan bahawa wang Tabung Masjid boleh digunakan bagi tujuan maslahat

masjid. Jika membina gelanggang sukan dalam kawasan masjid termasuk masalah masjid, maka ia harus dan boleh digunakan. Masalah masjid itu antaranya ialah untuk mentakmirkan masjid.

Dengan adanya kemudahan-kemudahan sedemikian dijangkakan akan lebih ramai orang yang akan tertarik datang ke masjid mengikuti program sukan yang diaturkan melalui garis panduan tertentu supaya sukan yang berkenaan sukan yang mengikut etika kesukanan dan sesuai dengan kehormatan majlis dan bahkan juga mengenai ketetapan waktu-waktu tertentu yang membolehkan mereka sebelum atau sesudah bersukan akan mengerjakan sembahyang di masjid. Dengan itu apakah boleh membina gelanggang sukan di dalam kawasan masjid ada Fatwa No. 41208 Fatwa Mufti Kerajaan kita mengharuskan sedemikian itu.

Selanjutnya kaola ingin mengambil kesempatan Yang Berhormat Pengerusi kerana semalam walaupun bukan soalan kepada kaola tetapi kaola mendengar Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking menimbulkan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan rakan saya mengenai tunggakan. Benar pun pertanyannya mengenai tunggakan perumahan kalau orang Islam dapat dibantu oleh Majlis Ugama Islam Brunei tetapi orang yang bukan Islam macam mana? Kaola tidak akan menjawab mengenai orang bukan Islam tetapi mengenai orang Islam. Kerana ada

kepentingan awam untuk kaola menjelaskannya pada masa ini.

Pada tahun 2007 membawa kepada tahun 2009 Kementerian Hal Ehwal Ugama terutama sekali Majlis Ugama Islam Brunei mengambil langkah-langkah untuk mengagihkan baki wang zakat yang terkumpul sekian tahun dalam jumlah yang besar. Dalam pengagihan tersebut telah difikirkan juga ialah Asnaf yang menanggung tunggakan dalam perumahan negara iaitu dalam Program RPN, STKRJ dan bahkan juga Asnaf yang menanggung tunggakan bayaran kepada Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Kampung Bolkiah di Kampung Air.

Majlis Ugama Islam Brunei telah meminta data-data daripada Jabatan Perumahan dan Jabatan Perumahan dalam bulan Julai 2008 dan memberikan data yang berkenaan dengan anggaran tunggakan sebanyak \$16,324,307.38. Angka dan senarai orang yang diberikan oleh Jabatan Perumahan itu telah diteliti oleh Sekretariat Majlis Ugama Islam dan mendapati tidak semua mereka itu layak. Dalam senarai tersebut:-

1. Termasuk bukan Asnaf iaitu yang terutama sekali bukan Islam; dan
2. Tidak juga dapat dimasukkan kategori Al-Gharimin (orang yang menanggung hutang) kerana mereka itu mengikut data-data yang diketahui setelah disiasat juga adalah orang yang mampu membayarnya tetapi enggan membayarnya. Antaranya tanda-

tanda yang mampu membayar rumah itu dibesarkan dan tinggal bersamanya anak umpamanya sekalipun berkeluarga tetapi mempunyai pendapatan. Dalam perkiraan kalau mereka beraum-aum untuk membayar rumah bukanlah tunggakan keseluruhannya tetapi membayar secara bulanan yang tidak sampai kepada \$500 sebulan hanya \$200-\$300 mereka masih mampu dan dengan itu mereka terkeluar daripada Asnaf Al-garimin tersebut.

Walau bagaimanapun, Majlis telah memutuskan untuk membantu membayarkan mana-mana yang layak dan telah diperuntukkan sejumlah \$16 juta lebih bagi tujuan ini. Setelah dilaksanakan hanya sebanyak \$7.574 juta sahaja yang digunakan daripada jumlah \$16 juta lebih itu Yang Berhormat Pengerusi.

Pada masa ini ada lebih sekitar \$8.75 juta. Wang ini adalah wang baki zakat yang mahu dilaksanakan dan diagihkan kepada orang-orang yang berhak. Kaola mengambil kesempatan Kementerian Hal Ehwal Ugama yakin memang ada lagi orang-orang yang berhak untuk menerima agihan untuk membantu mereka membayar tunggakan perumahan sama ada Perumahan RPN, STKRJ ataupun Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Kaola meminta supaya mereka itu tampil dengan baik untuk memohon. Permohonan mereka tidak perlu

langsung kepada Majlis Ugama Islam Brunei tetapi bolehlah disalurkan bagi yang mengikuti Rancangan Perumahan Kerajaan, RPN dan STKRJ kepada Jabatan Perumahan. Jabatan Perumahan akan memanjangkan kepada Majlis Ugama Islam Brunei selengkapnya dengan data-data berhubung mereka itu. Sementara yang di Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah mereka memohon melalui pengurusan yayasan dan pihak yayasan akan memanjangkan kepada Majlis Ugama Islam.

Apabila sampai kepada Majlis Ugama Islam Brunei, ia akan di teliti dan di siasat oleh jawatankuasa Sekretariat berkenaan. Setelah hasil penyiasatan itu akan dibawa kepada satu jawatankuasa lagi yang dinamakan Jawatankuasa Pengesahan yang diketuai atau dipengerusikan oleh Timbalan Mufti Kerajaan dan sokongan-sokongan daripada Jawatankuasa Pengesahan ini akan diteliti lagi oleh satu jawatankuasa tertinggi yang dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei atau juga oleh Naib Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei.

Itulah keterangan kaola Yang Berhormat Pengerusi dan kaola mengucapkan terima kasih atas laluan yang Yang Berhormat Pengerusi berikan ini. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi:
Waalaiikumussalam. Terima kasih Yang Berhormat Pehin. Ahli-ahli Yang

Berhormat, sekarang kita seterusnya mula membincangkan Belanjawan Kementerian Pembangunan. Saya telah menyatakan bahawa masih terdapat 3 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang suka untuk turut serta dalam membincangkan Belanjawan Kementerian Pembangunan ini. Sebelum itu saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan sama ada Yang Berhormat Dato suka untuk menjawab soalan-soalan sebelumnya ataupun kita terus mendengar soalan-soalan yang akan dikemukakan oleh 3 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik ini.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Izinkan kaola menjawab soalan-soalan yang dikemukakan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada beberapa soalan daripada sesi kelmarin yang ditunda jawapannya bagi saya mendapat jawapan-jawapan yang lebih tepat. Antaranya ialah soalan daripada Yang Berhormat Dato Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman berhubung dengan *KPI Department of Road* yang seolah-olah menunjukkan kualiti jalan raya di negara ini adalah pada tahap yang begitu rendah.

Untuk mengelakkan kekeliruan dan apa jua sebarang tanggapan negatif mengenai kualiti aset jalan raya di negara kita ini, sukacita kaola menambah penerangan seperti berikut berhubung *KPI* yang dimaksudkan.

Angka yang dirujuk oleh Yang Berhormat Datin sebagai sasaran 2.5 peratus itu sebenarnya indeks 2.5 *absolute* bukannya peratus dan menurut *international roughness index* jalan-jalan hendaklah mencapai *roughness index* yang tidak lebih dari 2.5 untuk dikategorikan sebagai jalan yang mempunyai *comfort level* atau *riding quality* yang baik. Jika lebih misalannya indeksnya 2.6 atau 3.5 ini adalah pada tahap kelesaan yang memuaskan dan seterusnya makin tinggi indeksnya semakin tidak selesa.

Dalam hal ini sukacita mengongsikan bahawa secara keseluruhannya 50 peratus jalan-jalan Kelas A (lebuhraya) di negara kita adalah dalam kategori kelesaan yang baik dan 49 peratus dalam kategori memuaskan. Sementara itu bagi jalan-jalan kelas B atau jalan utama 30 peratus dalam kategori baik dan 20 peratus dalam kategori memuaskan. Secara keseluruhannya 60 peratus jalan di negara ini dalam keadaan *riding quality* yang baik dan memuaskan.

Jabatan Kerja Raya telah menyasarkan supaya 75 peratus daripada keseluruhan rangkaian jalan raya di negara ini mempunyai *riding quality* yang baik dan memuaskan.

Soalan seterusnya yang kaola tunda kemarin ialah soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim berhubung dengan Cukai Tahunan kawasan lingkungan bandaran berbeza dengan di kawasan luar bandar. Perbezaan cukai-cukai tanah dalam kawasan bandaran dan kawasan luar bandar hanyalah bagi tanah-tanah yang bersyaratkan perumahan am dan perniagaan sampingan. Ini mengambil kira kedudukan tanah adalah dalam kawasan *prime area* dengan infrastruktur dan kemudahan asas disediakan dan mudah didapati. Juga mengambil kira kemajuan bangunan dalam kawasan bandaran mempunyai kepadatan yang tinggi dan peluang penggunaan tanah berkenaan untuk ditukar bagi tujuan komersial adalah tinggi. Manakala peluang bagi tanah-tanah di luar bandar adalah lebih rendah.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit mengenai kajian *geological* di Sungai Paku, apa hasil kajian mengenainya dan apakah perancangan Kementerian Pembangunan terhadap kawasan ini?. Yang Berhormat telah mencadangkan penanaman pokok di sana.

Kajian *geological* dan penilaian bagi sumber pasir di kawasan Lombong Pasir Sungai Paku, Daerah Tutong dilaksanakan oleh sebuah syarikat tidak perlu saya sebutkan namanya dengan jumlah kontrak asal sebanyak \$2.1 juta dan kontrak bermula pada 13 Mac 2014 dan akan siap dilaksanakan pada 25 Ogos 2016 ini.

Tujuan kajian untuk menyediakan penilaian simpanan sumber pasir di kawasan kajian tersebut. Hasil kajian hanya akan dihadapkan oleh pihak kontraktor kepada Kementerian Pembangunan pada akhir tarikh kontrak. Perancangan Kementerian Pembangunan terhadap kawasan ini pada ketika ini belumlah ada perancangan, menunggu jua hasil daripada kajian yang dimaksudkan. Bagaimana pun, saranan daripada Yang Berhormat untuk menanam pokok-pokok akan dikaji kesesuaiannya di samping itu ada juga pemikiran-pemikiran awal pada peringkat ini bagi mungkin menempatkan bahan-bahan binaan terutama sekali berupa pasir di kawasan tersebut.

Jawapan kaola sediakan bagi soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit ini berhubung dengan adakah cadangan untuk membaik pulih rumah-rumah berkenaan yang terbiar atau *abandoned houses* yang rosak akibat kebakaran. Memohon maaf juga Yang Berhormat, usulnya jawapan kaola kelmarin tidak selaras dengan dasar yang pada masa ini mengenai tanggungjawab pembaikan rumah yang hangus. Jawapan kaola kemarin mengikut keutamaan dapat dilihat pengusaian rumah sedemikian.

Jawapan yang disediakan di sini ialah lebih tepat apabila rumah-rumah di bawah Skim Perumahan Negara telah diperuntukkan kepada pemohon-pemohon yang berjaya, tanggungjawab sepenuhnya terhadap rumah tersebut terletak kepada pemilik rumah

berkenaan termasuk juga bertanggungjawab terhadap kebersihan dan pemeliharaan kawasan rumah masing-masing.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan hanya akan bertanggungjawab untuk membaiki pulih rumah-rumah yang mengalami kerosakan yang melibatkan struktur sahaja. Mengenai rumah-rumah yang terbakar adalah menjadi tanggungjawab pemilik rumah untuk membaiki atau membina semula rumah berkenaan. Seperti yang kita sedia maklum pemilik-pemilik rumah adalah dikehendaki untuk mengambil *insurans* perlindungan api seperti yang terkandung dalam Syarat dan peraturan Perjanjian menyertai Skim Perumahan Negara yang telah ditandatangani oleh pemilik-pemilik rumah. Ini bertujuan untuk membantu pemilik-pemilik rumah untuk membaiki atau membina rumah baru jika berlaku musibah kebakaran.

Mengenai dengan rumah-rumah yang terbiar, siasatan akan dibuat bagi memastikan pemilik rumah tersebut masih menggunakan rumah yang dimaksudkan. Jika pemilik rumah berkenaan didapati meninggal dunia atau tidak ada pewaris yang sah, maka rumah tersebut akan diambil balik oleh kerajaan dan akan ditawarkan kepada pemohon-pemohon dalam senarai yang masih dan sedang menunggu.

Oleh itu, diharapkan supaya pemilik-pemilik rumah di bawah Skim Perumahan Negara akan lebih bertanggungjawab untuk menjaga dan memelihara rumah-rumah mereka dan

untuk tidak terlalu berharap kepada kerajaan sahaja memandangkan kerajaan telah pun membelanjakan sejumlah peruntukan yang begitu besar dalam menyediakan perumahan rakyat dan penduduk negara ini di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara dan STKRJ.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, seterusnya ialah mengenai pokok ru dan kelapa tumbang di kawasan persisiran pantai yang mengakibatkan bahaya.

Sebagai menyambung jawapan kaola kelmarin Yang Berhormat Pengerusi, pihak Kementerian Pembangunan telah mengambil maklum dengan masalah hakisan di persisiran Pantai Danau yang memang serius dan pada ketika ini peruntukan bagi pelaksanaan tembok penghadang telah dicadangkan melalui RKN11 bagi perancangan jangka masa panjang. Bagaimanapun, seperti yang kita sedia maklum sudah setentunya pertimbangan *priority* ini atau keutamaan ini adalah bersaing keutamaan dengan *priority* yang lain.

Mengenai dengan soalan berhubung kolam tadahan banjir di Daerah Tutong. Apa status pembinaannya dan adakah menjejaskan kawasan ladang atau kawasan pertanian? Projek Tadahan Kolam Banjir di Sungai Tutong telah pun ditawarkan dan sedang menunggu kebenaran. Semasa musim hujan, kolam tadahan adalah untuk menampung air dan ketika kering air akan dilepaskan ke hilir.

Dengan pengendalian yang teratur tidaklah akan menjejaskan tanah-tanah bagi tujuan berladang ataupun bertani, insya-Allah. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi mengenai dengan soalan yang tertangguh. Ada 3 soalan yang lain lagi daripada 3 orang Yang Berhormat, jika diizinkan kaola akan menjawab yang disoal pada sebelah petang kelmarin.

Soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin berhubung dengan pantai Tungku memerlukan pembaikan dan pembisaian seperti tempat letak kereta, pondok untuk orang berjual, pondok untuk orang berehat dan tandas, permainan seperti *ATV* supaya nampak teratur. Pada menjawabnya Pantai Tungku bukanlah sebenarnya kawasan awam di bawah kawal seliaan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE).

Ia adalah tanah milik persendirian di bawah kawalan Agensi Pelaburan Brunei dan kaola difahamkan bahawa aktiviti-aktiviti yang berjalan di sana pada masa ini dibenarkan buat sementara waktu sahaja. Mungkin setelah tempat yang lebih sesuai yang berupa kekal didapati, aktiviti-aktiviti di sana mungkin akan diberhentikan oleh kerana Agensi Pelaburan Brunei mempunyai rancangan-rancangan tertentu bagi kawasan tersebut.

Soalan berhubung Jabatan Kerja Raya, banjir di kawasan Brunei dan Muara banyak menimbulkan kerugian kepada pihak orang ramai dan tindakan awal perlu dibuat seperti pembersihan

sungai-sungai dan longkang-longkang, seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Nudin, jawapan kaola ialah pihak kementerian memang sentiasa cuba membersihkan longkang-longkang dan sungai-sungai melalui kontrak bermusim ataupun *term contract* melalui projek rutin jabatan seperti yang dirancangkan.

Mungkin yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat mengenai pembetulan air ialah kolam takungan ataupun *retention pond* bagi mengawal dan mengurangkan banjir di kawasan yang dulu sering dilanda banjir seperti kolam takungan banjir di Sengkurong dan Selayun. Perancangan bagi pembinaan kolam takungan banjir ini, akan diteruskan ke kawasan Ban, Mulaut, Rimba dan Salar, insya-Allah.

Soalan mengenai mengapakah proses gantian duit dan gantian tanah bagi *Plot X* yang terkena jalan daerah terlalu lama untuk dibayar atau diselesaikan? Hampir 90% pemilik-pemilik tanah *Plot x* telahpun selesai diproses mengikut senarai tanah-tanah plot x yang terdaftar yang telah dibuat pembayaran ganti rugi dalam bentuk wang. Selebihnya bagi pemilik-pemilik tanah yang belum dibayar adalah kerana tanah-tanah berkenaan masih dalam urusan waris atau tiada mempunyai alamat atau pemilik-pemilik tanah belum hadir ke Jabatan Tanah, walaupun telah beberapa kali dihubungi.

Manakala pengambilan balik tanah bagi jalan kecil daerah pada masa ini memang diakui masih dalam proses

penyediaan taksiran tanah. Proses gantian tanah bagi tanah-tanah *Plot x* pula atau tanah yang terkena jalan daerah adalah ada yang boleh mengambil masa yang lama disebabkan proses permohonan-permohonan ini melibatkan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan seperti penelitian mengenai cadangan tapak gantian tanah dan ada antara pemohon tidak bersetuju dengan tapak yang dicadangkan dan terpaksa mencari tapak-tapak tanah gantian yang lain. Itulah antara penyebab mengapa penyelesaian isu tersebut.

Kaola beralih kepada soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Kaola akan menjawab mengikut susunan Tajuk dalam Belanjawan Kementerian Pembangunan.

Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan. Mengenai Daerah Temburong semakin berkembang setiap tahun dan Yang Berhormat bertanya sejauh ini apakah perkembangan perancangan tertentu dalam Pelan Induk khususnya Pekan Bangar bagi menangani masalah kekurangan petak letak kereta awam termasuklah tempat letak kereta bas-bas pelancong.

Sebagai jawapan kaola mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan-soalan tadi. Pelan Induk Daerah Temburong yang dimaksudkan adalah Pelan Daerah Temburong atau *Temburong Districts Plan* bahawa plan tersebut lebih membincangkan perkara-perkara strategik seperti cadangan kawasan

pertumbuhan bandar dan guna tanah secara menyeluruh.

Khusus mengenai masalah kekurangan letak kereta awam di Pekan Bangar. Pada masa ini belumlah ada perancangan untuk meningkatkan kawasan letak kereta dan bas di Pekan Bangar. Bagaimanapun perkara ini akan dibincangkan bersama dengan jabatan-jabatan yang berkenaan seperti Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Jalan Raya dan Jabatan Daerah Temburong dan juga Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan, mengenai kesesuaiannya.

Tajuk SK02A - Jabatan Perumahan. Yang Berhormat ingin tahu status unit-unit perumahan yang sudah siap di Skim Perumahan Kampung Rataie di Daerah Temburong. Bilakah rumah-rumah ini boleh diserahkan kepada pemohon yang layak?

Mengenai unit-unit perumahan yang telah siap di Skim Perumahan yang dimaksudkan, sebanyak 232 unit teres sudah siap dibina. Walau bagaimanapun, infrastruktur pembedungan bagi rumah-rumah tersebut masih dalam pembinaan. Insya-Allah Jabatan Kemajuan Perumahan merancang untuk menyerahkan unit-unit teres berkenaan kepada pemohon-pemohon yang berkelayakan sebaik sahaja siapnya penyambungan sistem pembedungan yang dijangka siap dilaksanakan pada pertengahan tahun 2016 ini.

Mengenai soalan apakah syarat kelonggaran pemohon Skim Perumahan Negara dapat dipertimbangkan untuk Penduduk Tetap di negara ini bagi mengikuti Skim Perumahan Negara tersebut memandangkan juga jumlah Penduduk Tetap di Daerah Temburong semakin bertambah yang ingin mengikut Skim Perumahan Negara.

Sebagai jawapan mengenai pertimbangan bagi Penduduk Tetap menyertai Skim Rancangan Perumahan Negara pada masa ini syarat kelayakan untuk menyertai skim perumahan negara adalah untuk rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sahaja iaitu yang mempunyai kad pengenalan yang berwarna Kuning. Oleh itu Penduduk Tetap belum dapat dipertimbangkan untuk mengikuti Skim Perumahan Negara pada masa ini, seperti mana jua yang telah kaola kongsi dalam ucapan mukadimah kaola.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penubuhan satu *Housing Focus Group* untuk menimbangkan isu-isu perumahan yang berkaitan dengannya secara komprehensif dan membuat cadangan-cadangan tertentu bukan sahaja memfokus kepada Rancangan Perumahan Negara tetapi secara lebih meluas lagi. Perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, insya-Allah akan dimasukkan dalam

pertimbangan *Housing Focus Group* yang dimaksudkan.

Seterusnya, sejauh ini apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian Pembangunan melalui jabatan berkenaan dalam memberi kemudahan seperti tempat berjaja dan sebagainya?

Memandangkan penambahan penduduk di Perumahan Negara Kampung Rataie pada masa ini, setiap kawasan perumahan ada menyediakan kawasan-kawasan untuk komersial dan perniagaan bagi keperluan penduduk kampung. Pada masa ini Kementerian Pembangunan sedang mengenal pasti kawasan-kawasan yang berpotensi termasuk di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie, untuk ditawarkan secara tawaran terbuka kepada pihak-pihak yang berminat untuk memajukan dan menjalankan kemudahan bangunan komersial di kawasan-kawasan berkenaan.

Soalan berhubung SK03A - Jabatan Kerja Raya. Penjelasan ini panjang, Yang Berhormat Pengerusi. Dari aspek keselamatan jalan raya, apakah cara terbaik pihak jabatan ataupun agensi yang berkenaan untuk menangani masalah yang berulang-ulang? Maksudnya di sini ialah jalan raya yang tidak terusaha menyebabkan longkang-longkang tidak dibersihkan dan menyebabkan banjir-banjir kilat dan sebagainya.

Pengurusan Pemeliharaan Rangkaian Aset Jalan Raya di seluruh negara cuba

diadakan secara berperancangan berterusan secara *term contract* bagi memastikan aset tersebut sentiasa dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan dengan memfokus terhadap keselamatan di jalan raya itu sendiri. Daerah Temburong tidak terkecuali dari proses yang sama iaitu menggunakan *term contract* secara berintegrasi. Walau bagaimanapun, dalam keadaan kita mengamalkan penjimatan pada ketika ini, kementerian perlulah memberi keutamaan dalam membuat kerja-kerja pemeliharaan ini mengikut keutamaan dengan fokus terhadap keselamatan di jalan raya.

Dalam usaha untuk menangani isu tersebut, maka pihak Jabatan Kerja Raya telah pun berusaha untuk meningkatkan penggunaan tenaga buruh di Jabatan Kerja Raya sendiri bagi melaksanakan sedikit sebanyak kerja rutin seperti pemotongan rumput, pembersihan longkang-longkang kecil, pemotongan dahan-dahan pokok dan sebagainya mengikut kemampuan dan keupayaan yang sudah setentunya terhad. Kawasan-kawasan yang diusahakan hanyalah di persimpangan akses jalan di sepanjang jalan utama Puni, Bangar dan Labu bagi keselamatan pengguna-pengguna dari segi pandangan pemandu yang terhalang.

Kaola mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ketua-Ketua Kampung dan penduduk di Kampung Senukuk dan Kampung Batu Apoi atas inisiatif mereka untuk bergotong-royong

memotong rumput di kawasan kampung sendiri. Usaha ini amatlah dihargai dan dialu-alukan. Pegawai dan kakitangan Jabatan Kerja Raya juga turut turun padang untuk bergotong-royong dalam menangani isu ini dan seterusnya cuba menyuntik semangat perpaduan dan insya-Allah akan meneruskan inisiatif ini pada zon-zon yang lain.

Soalan apakah perancangan dari *Authority for Building Control and Construction Industry (ABCi)* mengenai perubahan terkini bagi memudahkan rakyat dan penduduk negara ini khususnya di Daerah Temburong? Soalan ini ada hubung kaitnya dengan soalan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, yang sudah kaola jawab jua berhubung dengan *ABCi*.

Walaupun bagaimanapun, kaola ringkaskan sahaja. Perubahan yang paling signifikan ialah Perintah Kawalan Bangunan 2014 dan Peraturan Kawalan Bangunan (*ABCi*) yang berkuat kuasa pada 1 November 2015, yang bertujuan menjamin keselamatan dan kesihatan orang ramai melalui kawalan kemajuan pembangunan dan menghendaki pemohon-pemohon kemajuan tanah dan pembangunan menghadapkannya kepada *ABCi* oleh orang yang berkelayakan (*qualified person*).

Perintah ini juga memperuntukkan tanggungjawab pemaju, orang berkelayakan dan pembina dalam mana-mana projek. Ini bermakna dalam projek-projek tertentu, kebenaran akan boleh dikeluarkan dengan lebih cepat lagi. Dalam masa yang sama,

kemajuan yang mempunyai risiko yang rendah (*low risk development*), khususnya ubah suai ataupun tambahan rumah, ubah suai unit kedai dan kerja tanah boleh diteruskan untuk dihadapkan kepada *ABCi* tanpa melalui proses mendapat kebenaran daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa seperti sebelumnya.

Permohonan bagi perumahan *residential* boleh dihadapkan secara serentak (*concurrent*) kepada *ABCi* dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan dengan itu permohonan akan dapat diteliti pada masa yang sama, yang dengan sendirinya boleh memendekkan tempoh masa proses permohonan dibenarkan.

Pada bulan Februari lalu, *ABCi* telah mengadakan klinik bagi orang yang berkelayakan (*qualified person*) terdiri daripada arkitek-arkitek bagi memberi peluang kepada mereka berbincang bersama pegawai-pegawai *ABCi* berkaitan dengan permohonan-permohonan yang masih lagi dalam proses penelitian. Klinik tersebut merupakan salah satu usaha lagi bagi *ABCi* untuk lebih telus mengenai status permohonan-permohonan yang telah dihadapkan dan akan diteruskan setiap bulan.

Soalan mengenai Taman Batang Duri, yang begitu berpotensi untuk dibuka bagi kunjungan orang ramai dan mungkin juga untuk pelancongan. Pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) masih dalam proses perbincangan dengan agensi-agensi

yang berkepentingan untuk melihat kesesuaian dan *viability* bagi perkara ini untuk dilaksanakan secara *Private Public Partnership* sebagai salah satu inisiatif bagi menjana bidang perekonomian khususnya dalam bidang industri pelancongan.

Seterusnya soalan mengenai pendekatan oleh jabatan berkenaan berhubung dengan pembuangan sampah bagi mengelakkan kejadian serupa ini berlaku berulang-ulang bagi mengurangkan rungutan orang ramai, yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi penambahan tempat-tempat pembuangan sampah di kawasan yang dimaksudkan.

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan mengambil maklum dan memandang serius mengenai masalah mutu perkhidmatan dan kebersihan kawasan pusat-pusat pengumpulan sampah di Daerah Temburong khususnya keperluan bagi menambah pondok sampah dan rungutan orang ramai yang memerlukan pembaikan ke atas kondisi tong-tong sampah yang sedia ada serta juga keperluannya untuk dipagar bagi menghindarkan binatang-binatang seperti anjing, monyet dan kucing untuk merosakkan kemudahan-kemudahan yang dimaksudkan.

Dalam hal ini, pihak jabatan akan meneliti kesesuaian dan keperluan perkara tersebut demi mempertingkatkan perkhidmatan yang diberikan dengan cara

memperketatkan lagi pemantauan ke atas pengendalian pusat-pusat pengumpulan sampah berkenaan. Pada dasarnya, penyediaan tapak-tapak atau pusat-pusat pengumpulan sampah yang sedia ada merupakan alternatif kepada orang ramai untuk membuang sampah pada masa ini iaitu bagi mereka yang belum menggunakan perkhidmatan pembuangan sampah secara berlanggan dengan syarikat-syarikat pembuangan sampah yang telah diluluskan untuk menjalankan perkhidmatan ini.

Bagaimanapun, rancangan Kementerian Pembangunan bagi pembuangan sampah secara *skip* ini untuk di *phase out* secara beransur-ansur dan berperingkat-peringkat untuk memupuk kesedaran individu dan masyarakat yang lebih bertanggungjawab ke atas sampah-sampah yang dihasilkan sendiri serta juga untuk membina dan menjana masyarakat yang cintakan kebersihan dan keindahan alam sekitar, sekali gus tidak terlalu bergantung pada pihak kerajaan bagi mengurus dan mengendalikan kutipan pembuangan sampah secara menyeluruh.

Seterusnya kaola akan menjawab, Yang Berhormat Pengerusi, soalan daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Soalan pertama berhubung dengan apa yang sudah terjadi kepada *Power of Attorney and Trust Deed (PATD)*. Bilakah masalah *PATD* akan dapat ditangani? Bila ia akan diselaraskan?

Apakah dapat diselaras dengan pelabur asing melalui *FDI*? Mempunyai rumah secara *leasehold*?

Alhamdulillah, kita baru sahaja menerima kebenaran mengenai sokongan-sokongan penyelesaian terhadap perkara *PATD* ini, yang insya-Allah dalam sedikit masa lagi akan diberigakan kandungan sokongan tersebut kepada pihak-pihak yang berkepentingan dan secara dasarnya *PATD* ini ialah untuk mengawal orang yang tidak berhak memiliki tanah khususnya tanah kekal.

Bagi kegunaan *FDI* seperti yang saya terangkan dalam mukadimah saya kelmarin, seluas 1533 hektar tanah untuk kegiatan industri telah diserahkan di bawah kawalan agensi-agensi kerajaan yang mempromosikan kegiatan industri manakala 5375 hektar lagi telah dikenal pasti untuk kegunaan industri bila diperlukan nanti.

Pendeknya tidak ada masalah bagi *FDI* untuk mendapatkan tanah untuk kegiatan industri. Bagi pemilik atau *executive FDI* pula yang disentuhkan memerlukan tempat tinggal, tidak ada masalah bagi mereka memiliki kediaman secara *strata title* atau secara pajakan.

Ditekankan lagi bahawa *PATD* adalah untuk mengawal pemilikan tanah kekal oleh mereka yang tidak berhak. Sebagai *assurance* atau terutama sekali kepada peniaga-peniaga dan pelabur-pelabur asing, proses penyelesaian isu *PATD* ini akan memastikan tidak ada kesan

negatif terhadap *Ease Of Doing Business* di negara kita ini.

Soalan daripada Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman berhubung dengan pengurusan jalan raya yang diurus oleh pelbagai pihak dan nampaknya boleh melambatkan respons bila ada kejadian yang memerlukan respons yang cepat.

Jawapan kaola ialah JKR mempraktikkan amalan terbaik dari segi cara-cara pengurusan aset-aset jalan raya di negara ini kita yang mem*benchmark* dengan negara-negara lain termasuk negara-negara yang sudah maju iaitu *United Kingdom, Australia* dan Amerika Syarikat. Itulah sebagai *benchmark* kita. Kebanyakan keadaan jalan raya pada masa ini pun memang sudah di bawah tanggungan pihak JKR. Kategori jalan raya di bawah JKR adalah seperti berikut:-

1. Lebuhraya atau *Primary roads (Highways)*;
2. Jalan-jalan utama (*Secondary Roads*);
3. Jalan-jalan agihan (*Distributor Roads*); dan
4. Jalan-jalan Simpang (*Excess Roads*).

Pada masa yang sama terdapat juga jalan-jalan lain seperti di Kawasan Rancangan Perumahan Negara dan kementerian-kementerian lain yang

di bawah kawalan JKR. Pihak JKR lazimnya menyediakan bantuan perkhidmatan teknikal serta pelaksanaan berbagai-bagai projek pembinaan baharu serta pemeliharaan aset yang sedia ada kepada pihak-pihak agensi yang berhajat dengan menggunakan Tajuk Peruntukan agensi masing-masing.

Kejadian yang dijadikan contoh oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman kesemuanya adalah bagi jalan-jalan yang di bawah kawalan JKR. Dari itu isu kordinasi antara agensi-agensi lain tidak timbul. Cuma tinggal bagi JKR untuk memperkesankan lagi responsnya dan perkara ini insya-Allah sedang dalam perhatian dan akan diusahakan oleh pihak JKR dan Kementerian Pembangunan. Itu sahaja yang dapat kaola jawab Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan atas ulasan dan penerangan yang telah diberikan itu. Sekarang, saya meneruskan perbincangan ini dan saya menjemput Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Yusof bin Haji Dulamin: بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya menyentuh 2 perkara sahaja iaitu

mengenai Tajuk SK06A - Jabatan Tanah yang ada hubung kaitnya dengan lesen perniagaan.

Ke arah mengembangluaskan aktiviti perniagaan di negara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperkenalkan supaya Lesen Perniagaan bagi rakyat di negara ini tidak lagi diperlukan, Alhamdulillah.

Dalam perkara yang sama, setiap pembayaran Lesen Perniagaan yang pernah diberikan sebelum ini tertakluk kepada syarat-syarat kedudukan tanah dan perumahan dan tempat tinggal setiap pemohon. Perkara ini ditimbulkan bagi pemohon-pemohon yang tinggal di Rancangan Perumahan Negara, STKRJ ataupun RPN di seluruh negara.

Kaola ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Adakah syarat-syarat yang ada hubung kaitnya dengan Jabatan Tanah juga tidak diperlukan ataupun sebaliknya?

Menyentuh dengan Tajuk SK08A - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Nampaknya berbagai-bagai cadangan dan pandangan telah pun diutarakan dan telah pun mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Kaola hanya ingin menyentuh sedikit mengenai pembuangan sampah iaitu sampah-sampah berat yang terdiri daripada mesin-mesin rosak (buruk), seperti mesin cuci, *ice-box*, *freezer*, *computer* dan *television* termasuk juga kereta-kereta buruk yang banyak tersadai di kawasan lembaga bandaran dan di luar bandar.

Kaola ingin memohon penjelasan adakah satu tempat yang khusus dicadangkan untuk menempatkan ataupun mengumpulkan bahan-bahan yang kaola sebutkan di atas. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain.

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
 بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil Alamin Wassalatu Wassalaamu A'laa Asyrafil Anbiya Walmursaleen Sayyidina Muhammaddin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajmain Amaa Ba'adu.

رَبِّ اَشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي اَمْرِي وَاَحْلِلْ عُقْدَةً مِن لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah. Kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan yang telah membuat

mukadimah panjang dan elok untuk difahamkan oleh orang-orang yang berkenaan bagi menyokong peruntukan kementerian.

Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan bahawa cadangan-cadangan pada tahun-tahun lalu iaitu mengenai mengelakkan kesesakan jalan telah dibina jambatan di Kampung Jaya Bakti, Berakas. Nampaknya jambatan itu boleh mengurangkan kesesakan cuma bila ia akan mencukupi kerana mungkin akan sesak lagi pada masa-masa yang tertentu.

Persoalan lama iaitu mengenai Simpang 123-133 yang telah diusai oleh Kementerian Pembangunan pada 6 tahun yang lalu tetapi belum selesai sebenarnya. Dipohonkan supaya dapat diselesaikan, jangan terbiar begitu sahaja kerana ini boleh menimbulkan bahaya, jadi untuk mengelakkan bahaya eloklah diperbaiki dan diusai simpang tersebut.

Pada 2 tahun yang lalu telah dimaklumkan bahawa ada sebuah Tugu Peringatan di Kampung Perpindahan Lambak Kanan. Tugu Peringatan ini dibuat untuk memperingati bila Kampung Perpindahan Lambak Kanan diwujudkan. Dan keadaannya cantik tetapi sekarang sudah terbiar tidak lagi dipedulikan oleh mana-mana pihak. Kalau dapat diusai sama sekali kerana di dalamnya ada mencatatkan pembesar-pembesar negara.

Kampung-kampung di kawasan Berakas yang termasuk dalam kawasan Bandar Seri Begawan. Barangkali banyak sudah kaola cakapkan tetapi hasilnya baharu sedikit iaitu keadaannya jalannya perlu dinaik taraf, longkang-longkangnya perlu diperbaiki, keadaan pagar longkangnya yang lintang-pukang, patah, mumut dan masih terbiar, apa salahnya pagar itu agar dapat diperbetulkan dan diganti dengan besi yang elok.

Voltage lampu di kawasan tersebut masih rendah dan tiang eletriknya pun masih kayu dan belum ditukar seperti yang digunakan pada masa ini. Mudah-mudahan perkara ini akan diambil perhatian. Begitu juga jalan-jalan di kawasan Kampung Perpindahan Zon 1, dipohonkan supaya ianya akan dinaik taraf, jangan terbiar begitu sahaja kerana dikhuatiri menimbulkan masalah pada masa akan datang.

Mengenai longkang juga iaitu di kawasan Kampung Burong Pingai, Berakas. Kalau mengikut perkiraan permohonan ini sudah 10 tahun. Kalau mengikut perkiraan lagi lebih daripada itu. Mudah-mudahan pihak yang berkenaan akan mengerti dan faham. Tidakkah payah saya menjelaskan berapa longkangnya. Jabatan Perumahan dan Perpindahan lebih tahu akan keadaan tersebut supaya diperbaiki supaya jangan mendatangkan mudarat dengan keadaan-keadaan demikian.

Di samping itu, di kawasan perumahan terdapat anjing-anjing berkeliaran yang

belum dapat diselesaikan. Mudah-mudahan ada usaha mengatasi anjing tersebut supaya tidak terus membiak kehidupannya.

Pada mesyuarat tahun-tahun yang lepas ialah mengenai permohonan tanah. Mukim Berakas 'A' memohon tanah yang berada di hadapan *Mall Gadong* dan di kawasan Kampung Perpindahan Jaya Bakti, Berakas. Daripada 7/8 soalan kaola itu diharap akan dapat diambil perhatian iaitu mana yang penting didahulukan.

Demikianlah yang dapat kaola sampaikan. Bagaimana pun biasanya penghujung percakapan kaola berpantun yang berbunyi:-

Udang-udang bekalan semut,
Dampar-dampar makanan pikat,
Kalau dibuang pemohon pun hanyut,
Di mana dengan kan berikat.

Orang Aceh pergi ke Buma,
Dari Buma ke Surabaya,
Kalau ada kasih diterima,
Kalau tidak apakan daya.

Demikianlah Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal: Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kaola ada 2 sahaja perkara akan diketengahkan iaitu:-

1. Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan. Alhamdulillah pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pembangunan telah dan sedang giat membangunkan Projek Perumahan bagi kemudahan dan kediaman rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam di antaranya ialah:-
 - i. Perumahan Kampung Panchor Mengkubau yang sebanyak 4,000 unit rumah dibina dan 1,000 unit lagi sedang dibina di kawasan Kampung Lugu. Ini adalah untuk memenuhi permintaan rakyat negara ini yang tidak mempunyai rumah dan ingin memiliki rumah sendiri. Tahniah kepada pihak Kementerian Pembangunan di atas kejayaan melaksanakan projek berkenaan.

Mengenai perumahan 4,000 unit Perumahan Kampung Panchor Mengkubau, beberapa kemudahan dan keperluan asas juga sepatutnya difikirkan untuk

dibina di kawasan perumahan tersebut iaitu seperti masjid ataupun surau, balai bomba, pos polis dan sekolah. Sukacita juga mencadangkan diadakan kedai koperasi diusahakan oleh penduduk-penduduk yang tinggal dalam kawasan perumahan.

Dengan adanya kedai koperasi ini, sedikit sebanyak ianya akan dapat menjana dan akan meningkatkan ekonomi penduduk di kawasan tersebut dan juga akan dapat mengurangkan kadar pengangguran dengan mengambil pekerja-pekerja penduduk tempatan, terutamanya mereka yang sedang mencari pekerjaan yang tinggal dalam kawasan berkenaan; dan

- ii. Beberapa perkhidmatan kerajaan jika difahamkan sesetengah fungsi yang dipertanggungjawabkan beberapa taman di bawah Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi. Ada lagi sesetengah atau beberapa taman di bawah Jabatan Bandaran, Jabatan Daerah. Dan ada pula yang di bawah Jabatan Muzium-Muzium seperti Tasek Merimbun. Tidakkah boleh fungsi ini diselaraskan di bawah satu agensi sahaja untuk mengelakkan kerja bertindih-tindih serta peruntukan yang

banyak yang berlebihan. Diharaplah perkara ini akan dapat dipertimbangkan.

Sekian itulah sahaja daripada kaola Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi:
Walaikumsalam. Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya sekarang membenarkan Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman yang memohon untuk mengajukan soalan-soalan tambahan mengenai belanjawan Kementerian Pembangunan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman:
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kerana membenarkan kaola sekali lagi untuk bersuara. Yang Berhormat Pengerusi kaola lebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan kerana telah menjawab soalan-soalan yang telah kaola suarakan. Cuma terdapat kekeliruan berhubung dengan buku Jadual yang telah dihadapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan *KPI* Jabatan Kerja Raya yang telah diberi jawapan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Pada pandangan kaola kalau dibaca *indicator* yang dinyatakan di sini, nampaknya ada mengelirukan sedikit kalau boleh izinkan kaola membaca. Indikator bagi Jabatan Kerja Raya Mengekalkan Kualiti Jalan Raya dan

Standard Keselamatan di Peringkat Antarabangsa (peratus mencapai standard kualiti antarabangsa permukaan jalan raya, pada Tahun Kewangan 2014/2015 yang telah dicapai menurut Menteri Pembangunan tadi ialah kurang daripada 2 peratus, 1.5 peratus tadi disebutkan, dan bagi anggaran 2015/2016 kurang daripada 1 peratus dan bagi sasaran 2016/2017 ialah 5 peratus dan yang berikutnya 10 peratus dan 20 peratus.

Peratus dari penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan yang mempunyai data-datanya, ia kalau sekali pandang ia tidak membayangkan keadaan jalan raya di negara ini melalui dengan indikator yang telah dinyatakan di sini.

Itulah sebabnya kaola ingin kalau boleh penjelasan itu dilanjutkan lagi daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih jua atas soalan lanjutan daripada isu *KPI* berhubung kualiti jalan raya di negara kita. Ada kekeliruan di sana maksud saya ialah indeks dibaca sebagai *percentage*. Mungkin *presentation* sahaja Yang Berhormat Datin, *presentation*nya yang salah di sana, itulah yang saya maksudkan dengan kekeliruan.

Jadi yang *target*nya itu nampaknya seolah-olah menurun oleh kerana *index* itu semakin rendah semakin bagus. Di sana mungkin apa yang menyebabkan kekeliruan ialah dimasukkan perkataan 'peratus', itu sahaja kali, kalau kita mengeluarkan peratus itu, lurustah itu. Maksud saya tadi, lebih tinggi *index* nya lebih buruklah kualiti dan lebih rendah, makanya menurun lebih bagus dan kita ingin mencapai angka 75 peratus itu akan dicapai dengan menurunnya *index* bukannya dengan meningkatnya *index*.

Penerangan kaola yang lebih awal adalah konsisten dengan penerangan sekarang ini. Keluarkan sahaja perkataan 'peratus' itu. Di sana timbul kesilapan, mungkin kesilapan itu timbul daripada pihak kaola sendiri untuk menyampaikan hari itu termasuk juga perkataan 'peratus' itu. Ini sebenarnya banyak kekeliruan macam *index* jadi peratus memang jauh perubahannya. Itu sahaja mohon maaf saya sekiranya itu yang menyebabkan kekeliruan. Tidak ada konsistensi antara penerangan itu dengan maksud yang sebenarnya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Selanjutnya izinkan kaola menjawab soalan-soalan selebihnya Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih jua kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai soalan Lesen Perniagaan di RPN. Sekarang ini Lesen Perniagaan tidak lagi diperlukan tetapi syarat-syarat lain perlu dipenuhi. Untuk RPN ini, ada syarat-syarat tertentu oleh kerana

rumah-rumah yang diberi di kawasan RPN itu adalah termasuk tanah yang dikurniakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan setiap tanah di negara ini mempunyai syarat-syarat yang tertentu.

Oleh yang demikian, tanah-tanah sama ada RPN atau STKRJ tertakluk kepada *conditions* tanah seperti umpamanya di sini Bab 9 (5) Kanun Tanah Penggal 40 yang menjadikan tanah-tanah RPN dan tanah-tanah STKRJ khusus untuk tujuan rumah kediaman sahaja dan untuk ahli-ahli keluarga dan disyaratkan tidak boleh digunakan bagi tujuan perniagaan, perusahaan, tumpangan dan sewa. Ini dengan sendirinya jelas bukannya kawalannya semestinya di bawah syarat-syarat RPN tetapi syarat-syarat tanah sendiri yang menghalang daripada kita berniaga.

Walau bagaimanapun, ini tidak semestinya perniagaan tidak dapat dijalankan langsung di kawasan itu seperti yang saya terangkan. Setiap RPN ini disediakan kawasan untuk *commercial*. Di sanalah diharapkan dapat disediakan kemudahan *commercial* bagi penduduk di kawasan yang dimaksudkan. Kalau ada pihak yang berminat untuk membuat perniagaan perlulah melalui prosedur dan proses tertentu untuk mendapatkan peluang berniaga di kawasan yang disediakan tersebut.

Isu pembuangan sampah berat yang ditimbulkan tadi. Pada masa ini

pembuangan sampah berat yang dihasilkan oleh jabatan-jabatan kerajaan kebanyakannya dikumpulkan di Pusat Besi Buruk Sinarubai. Tetapi yang lain-lain itu, masa ini tertakluk kepada ke mana orang yang mempunyai sampah itu membuang. Boleh dibuang ke tempat-tempat pembuangan milik syarikat-syarikat kitar semula. Sama ada perlu disediakan satu tempat khusus lagi sebagai tempat tambahan akan difikirkan kesesuaiannya.

Soalan seterusnya ialah soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain mengenai dengan jalan sesak yang alhamdulillah, beberapa jalan yang dahulunya sesak telah dapat diselesaikan. Isu kesesakan tersebut dengan pembinaan jambatan kebanyakannya *flyover* dan khusus disentuh mengenai simpang 123-133 untuk diperbaiki juga ditimbulkan. Mengenai tugu peringatan di Perumahan Lambak Kanan dan pagar-pagar rosak dan *voltage* lampu yang tidak bersesuaian. Kebanyakannya perkara ini berupa pemeliharaan dan akan tertakluk kepada keutamaan dan dilihat kesesuaiannya untuk dilaksanakan dan dibiayai melalui pemeliharaan aset Kementerian Pembangunan.

Jalan raya di Zon 1 yang memerlukan penaiktarafan. Ini tertakluk kepada keutamaan bila dipertimbangkan di peringkat RKN mungkin RKN11. Jika sangat mendesak akan mendapat keutamaan kalau tidak perlu bersaing *priority* dengan keutamaan yang lain. Longkang-longkang di Kampung Burung Pingai juga, isunya pemeliharaan

dan seperti jua jawapan saya tadi insya-Allah akan dilihat perkara ini supaya ditangani oleh pihak-pihak yang berkenaan di Kementerian Pembangunan.

Anjing yang membiak mungkin di luar tanggungjawab Kementerian Pembangunan. Ada permohonan yang telah dibuat mengenai tanah di hadapan *Mall Gadong* yang sudah lama dan masih menunggu kebenaran akan dilihatlah perkara ini, kaola kurang pasti apa statusnya.

Seterusnya kaola berpindah menjawab soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal. Terima kasih atas soalan-soalan Yang Berhormat tadi dan terima kasih jua atas ucapan tahniah kepada Kementerian Pembangunan yang berjaya melaksanakan perumahan-perumahan di Kampung Panchor, Mengkubau, Kampung Lugu dan sebagainya alhamdulillah. Cadangan Yang Berhormat untuk kemudahan asas yang lebih lanjut seperti masjid, sekolah, balai bomba dan lokasi koperasi. Terima kasih.

Tapak-tapak selalunya memang disediakan di kawasan-kawasan perumahan termasuk tapak-tapak sekolah, tapak-tapak masjid. Pelaksanaannya mungkin menunggu kesesuaian bila benar-benar diperlukan akan dilaksanakan. Mengenai tempat-tempat untuk koperasi, mungkin boleh

dipenuhi keperluan ini jika koperasi-koperasi ikut bersaing untuk menjadi pengendali tempat-tempat komersial yang telah disediakan di RPN.

Mengenai kemungkinan pertindihan bidang kuasa dan pelaksanaan penjagaan taman iaitu ada di bawah jagaan Jabatan Muzium-Muzium, JASTRE, dan Lembaga Bandaran. Terima kasih jua atas pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Pehin tadi. Akan dilihat kalau ada pertindihan memang sesuai untuk *diconsolidate* perkara ini.

Itu sahaja Yang Berhormat, terima kasih banyak-banyak atas peluang yang diberikan kepada kaola untuk menjawab soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih banyak.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah pun membincangkan dengan panjang lebar Tajuk Belanjawan Kementerian Pembangunan, dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah pun menjawab soalan-soalan yang ada kalanya agak *complicated*.

Maka sampailah sudah masanya bagi kita untuk mengundi Belanjawan Kementerian Pembangunan ini sama ada diluluskan atau sebaliknya. Sekarang Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin bertanya, yang bersetuju supaya Belanjawan Kementerian Pembangunan ini diluluskan, sila angkat tangan

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Belanjawan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya secara sebulat suara diluluskan.

Yang Dimulikan Jurutulis: Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A - Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada baiknya mesyuarat di Peringkat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita balik bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara. Saya suka untuk mencadangkan supaya Persidangan ini ditangguhkan selama 20 minit bagi membolehkan kita berehat.

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara disambung semula dan kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan 2016/2017 dan bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini diteliti satu persatu, saya tangguhkan dulu persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya untuk menimbang dan meneliti Rang Undang-Undang (2016), Perbekalan 2016/2017. Sebelum mesyuarat ini ditangguhkan untuk berehat kita telah meluluskan Belanjawan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Sekarang kita berpindah untuk membincangkan Tajuk seterusnya.

Yang Dimulikan Jurutulis: Tajuk SL01A hingga SL06A, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita akan membincangkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Seperti

lazimnya sebelum Tajuk ini saya bukakan untuk dibahaskan, saya ingin memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi membuat ucapan pendahulunya atau mukadimahnya tentang Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Silakan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Selamat pagi dan salam sejahtera. Alhamdulillah Rabbil alamien Wassalatu Waala Musrafil Anbiya Walmursalin Sayiddina Muhamaddin Waala Alihi Wasahbihi Ajmaien. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah.

Dalam kesempatan awal dan istimewa di Dewan yang mulia ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatannya pada Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara ini terlebih dahulu menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia cadangan peruntukan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan atas kebijaksanaan dan

pandangan jauh baginda jua dalam penyediaan peruntukan Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2016/2017 yang memfokuskan ke arah menggerakkan pembangunan rakyat dan negara yang dinamik dan berdaya tahan dapat kita nikmati.

Kaola/saya juga secara peribadi dan bagi pihak rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang baharu dilantik Ahli Rasmi Kerana Jawatan sukacita merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas ucapan tahniah lantikan abis kaola/kami itu. Ucapan tahniah tersebut setentunya menjadi suntikan semangat kepada abis kaola/kami semua.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 5 Mac 2016 yang lalu mendorong Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk sama-sama melipatgandakan usaha dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang kita sama-sama cintai.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, secara langsung dan tidak langsung akan terus memainkan peranan pada menjunjung hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui peranan teras *core functions* iaitu 4K: Kebudayaan, Kebelaaan, Kesukuanan dan Kemasyarakatan.

Kebudayaan dari segi memelihara dan menjaga budaya, sejarah dan warisan bangsa sebagai tunjang perpaduan dan identiti bangsa yang mempunyai tamadun tinggi dan gemilang.

Kebelaaan dari segi membangun dan meningkatkan jati diri rakyat dan penduduk negara ini termasuk golongan belia selaku agen perubahan, pewaris dan generasi penerus agar mereka akan lebih berdikari, berwawasan dan bertanggungjawab serta dapat memberikan sumbangan bermakna kepada pembangunan dan kesejahteraan negara.

Kesukuanan dari aspek menyediakan prasarana sukan dan riadah ke arah masyarakat yang sihat dan cergas.; dan

Kemasyarakatan dari aspek memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk dan mengukuhkan institusi keluarga ke arah mewujudkan perpaduan, keharmonian dan keamanan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatannya telah dicadangkan peruntukan sebanyak **\$85,131,230.00 (lapan puluh lima**

juta, seratus tiga puluh satu ribu, dua ratus tiga puluh ringgit) untuk Gaji, Perbelanjaan Berulang-ulang dan Perbelanjaan Khas. Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-Ulang melebihi had yang ditetapkan masing-masing 2.7 peratus dan 0.2 peratus, manakala Perbelanjaan Khas berkurangan sebanyak 74.6 peratus. Keseluruhannya ketiga-tiga Tajuk berkurangan sebanyak 14.9 peratus daripada Peruntukan Tahun Kewangan 2015/2016.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersyukur kerana rata-rata akaun-akaun Peruntukan Tahun Kewangan 2015/2016 dikekalkan yang membolehkan program-program rutin berjalan seperti biasa. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melihat pengurangan peruntukan ini secara positif dan merasakannya bukan sebagai penghalang bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk terus melaksanakan tanggungjawabnya dengan sempurna.

Malah ia dijadikan sebagai cabaran untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan cara yang lebih berkesan dan berhemah melalui kaedah yang lebih kos efektif dan munasabah. Lebih-lebih lagi jika terdapat sesuatu keperluan utama lazimnya perubahan peruntukan tambahan boleh diperolehi atau dipohonkan melalui Kementerian Kewangan. Peruntukan ini akan digunakan sebaik-baiknya dengan berbelanja secara terancang dan mengikut keutamaan di mana

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memberi fokus dan keutamaan kepada:-

1. Mengekalkan usaha bagi mendukung wawasan Kementerian iaitu 'Bangsa Brunei Yang Cemerlang' dengan menerapkan dan mengekalkan identiti Bangsa Melayu yang beragama, bersopan santun, pemedulian, penyayang, semangat taat setia yang tidak berbelah bagi kepada raja dan cintakan negara, dan mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan, berasaskan kepada falsafah Negara Melayu Islam Beraja dan matlamat Wawasan Brunei 2035;
2. Menumpukan perhatian kepada program-program teras kementerian iaitu:-
 - i. Sambutan Hari Kebangsaan;
 - ii. Program Khidmat Bakti Negara;
 - iii. Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan;
 - iv. Program Memperkasa Komuniti;
 - v. Latihan Kemahiran di Pusat Pembangunan Belia;
 - vi. Program Belia Berdikari; dan
 - vii. Sambutan Hari Belia Kebangsaan.
3. Meningkatkan lagi produktiviti rakyat dan penduduk negara ini melalui

promosi aktiviti-aktiviti sukan dan riadah di samping membina kapasiti terutama golongan belia melalui program-program seperti Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dan latihan kemahiran di Pusat Pembangunan Belia;

4. Memberi tumpuan kepada usaha-usaha membasmi kemiskinan di negara ini, melalui pelaksanaan Program Perkasa Komuniti yang telah diperkenalkan sejak tahun 2013. Program ini dihasratkan untuk dapat mengubah nasib kumpulan sasaran melalui penimbaan ilmu pengetahuan dalam bentuk kemahiran, supaya mereka dapat mula atau terus berusaha sendiri dan berdikari untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka. Sebagai hala tuju pada masa hadapan, program ini dihasratkan supaya akan dapat secara berterusan membantu kumpulan sasaran yang telah dikenal pasti serta meluaskan lagi bidang-bidang yang bersesuaian untuk mereka ikuti; dan
5. Mengukuhkan institusi keluarga sebagai asas ke arah melahirkan masyarakat yang berkualiti dengan memupuk kefahaman masyarakat tentang kepentingan institusi keluarga dalam pembangunan masyarakat negara, menggalakkan masyarakat khususnya keluarga di negara ini untuk membina keluarga bahagia, harmoni dan berdaya tahan, mencegah dan mengurangkan permasalahan

kekeluargaan, meningkatkan kualiti kehidupan dalam bekeluarga, mendidik generasi akan datang mengenai kepentingan institusi keluarga, menggalakkan ibu bapa untuk meluangkan masa yang berkualiti bersama ahli keluarga serta menggalakkan dan menekankan kepentingan ahli keluarga khususnya anak-anak untuk sentiasa menghormati, mengambil berat mengenai hal-hwal kebajikan ibu bapa dan keluarga mereka.

Ke arah itu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah membuat langkah-langkah mereviu dan menilai kemajuan pelaksanaan pelan Tindakan Bidang Keberhasilan Utama (*Key Result Areas*) berkenaan untuk mengenal pasti keperluan perubahan dalam strategi pada tahun-tahun kebelakangan supaya bersesuaian dengan perkembangan semasa, iaitu menilai kemajuan pelaksanaan program dan projek, mengkaji prospek pelaksanaan program dan projek dan menyusun semula program dan projek berdasarkan keperluan dan keupayaan jentera pelaksana serta mengambil kira semua keperluan sumber.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Berpaksikan kepada tema Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2016/2017, "Mengukuhkan Iklim Perekonomian dan Mendukung Pembangunan Berterusan", yang berfokus kepada 4 keutamaan iaitu memudah cara perniagaan, meningkatkan produktiviti negara,

membina kapasiti dan modal insan dan memelihara kesejahteraan awam.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan meneruskan program-program rutin dan mengetengahkan inisiatif-inisiatif baharu dalam bidang kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menubuhkan akademi budaya dan seni pada satu masa yang bersesuaian iaitu tempat belajar kebudayaan dan kesenian orang-orang Brunei yang akan melahirkan tenaga kreatif yang diperlukan dalam industri kreatif dan industri kebudayaan. Inisiatif ini dijangka memberi kesan limpahan kepada bidang kebudayaan dan kesenian dalam menjana ekonomi.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga akan membuka muzium di daerah-daerah dalam rangka memelihara dan mempromosi warisan budaya dan menambah mukim-mukim buku untuk meneruskan matlamat menambah prasarana membaca di mukim-mukim.

Di sepanjang tahun 2015, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengungkayahkan lebih 200 kegiatan kebudayaan dan kesenian umpamanya festival dan program promosi kebudayaan, penerbitan buku-buku dan pameran-pameran. Dalam memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara, Program Bulan Bahasa akan diperkaya supaya berimpak tinggi. Bagi menggalakkan masyarakat Brunei yang celik ilmu pengetahuan, \$50 ribu dicadangkan diperuntukkan ke arah

menggalakkan budaya membaca dan diperkuatkan lagi dengan projek Pesta Buku dan Karnival Memperkasa Budaya Membaca.

Pusat Sejarah Brunei pula akan terus menerus menyebarkan kepentingan sejarah melalui karnival dan pidato sejarah. Pada menjayakan matlamat pembangunan negara, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan turut menyumbang antara lain ke arah pembangunan modal insan misalnya melalui Program Pembangunan Belia. Menurut perangkaan tahun 2013, sekitar 46.5 peratus dari penduduk negara ini terdiri daripada kaum belia.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan ke-8, pada tahun 2013 telah mengurniakan titah:-

"Untuk mengetahui corak kepimpinan sesebuah negara, kita perlu melihat kepada generasi belia, kerana belialah bakal peneraju kepimpinan pada masa akan datang. Merekalah perancang dan penggerak satu-satu pembangunan. Makanya, belia itu menjadi tumpuan dan perhatian dalam perbincangan-perbincangan serantau dan antarabangsa"

Menurut Indeks Pembangunan Belia Komanwel (*Commonwealth Youth Development Index*) pada tahun 2013, yang diterbitkan oleh Sekretariat Komanwel, belia di Negara Brunei Darussalam adalah pada kedudukan

31 daripada 51 negara-negara Komanwel dari segi pembangunannya. Terdapat ruang untuk menaikkan profil belia kita ke arah meningkatkan kualiti kehidupan dan pembangunan mereka.

Inisiatif baharu di bawah kebeliaan ialah kementerian akan melihat atau menunduki semula Dasar Belia Negara yang telah diluluskan sejak tahun 2002, antaranya untuk mereviu definisi belia khususnya dari aspek umur dan bidang-bidang strategi yang akan lebih menepati keperluan negara ke arah Wawasan Negara 2035 dan Negara Zikir.

Program Khidmat Bakti Negara yang pengambilannya yang ke-5 baru selesai menamatkan latihan pada hari Isnin, 2 hari yang lalu, dan program-program di Pusat Pembangunan Belia, *Outward Bound Brunei Darussalam*, program-program kebeliaan, keagamaan, kenegaraan, keusahawanan dan sukarelawan di Pusat Belia dalam negeri akan diteruskan dan diperluaskan skop dan matlamatnya.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melihat belia mampu memegang tampuk persatuan belia. Golongan belia perlu diorganisasikan. Persatuan belia adalah ejen sosialisasi golongan muda. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara

Pengambilan Ke-5 pada 14hb Mac baru lalu bersabda:-

"...Program Khidmat Bakti Negara memang menitikberatkan penglibatan para belia yang merupakan pemangkin dan ejen kemajuan dan kemakmuran negara"

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah juga bersabda:

"...Malah perkara ini juga pernah disentuh oleh Paduka Ayahanda semasa sambutan Hari Belia Kebangsaan tahun 2015 yang antara lain baginda bertitah:-
"Menyebut belia ejen masyarakat, adalah penting bagi mereka itu, untuk memiliki jati diri dan sikap yang mantap kerana tanpa jati diri dan sikap, seorang belia itu tidak akan dipandang hebat"

Kerajaan cukup peka terhadap hal ini dan amat menghargai peranan persatuan belia sebagai platform yang mendidik pemimpin-pemimpin muda untuk memainkan peranan yang positif, bermakna dan berkesan kepada masyarakat dan negara. Ke arah ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mengupayakan persatuan belia supaya dapat menarik minat golongan belia untuk menyokong dan menyertai aktiviti belia, menyediakan lebih banyak kemudahan serta aktiviti gaya hidup aktif dan sihat dalam kalangan generasi muda, membantu, memantau persatuan belia serta

mengaktifkan persatuan yang lemah. Belia yang berpersatuan lebih mudah dibentuk atau diperkasa daripada mereka yang bergerak secara bersendirian. Untuk ini, Program Khidmat Bakti Negara dicadangkan peruntukan \$1.5 juta dan Program Belia Berdikari sebanyak \$200 ribu.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam bidang kesukanan pula, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan meneruskan agenda sukan negara, pensejahteraan prasarana dan kemudahan-kemudahan sukan, membudayakan sukan sebagai cara hidup sihat ke arah generasi yang lebih cergas, cerdas dan penuh keyakinan diri dan melahirkan kumpulan atlet sukan negara yang boleh bersaing dan mencipta nama, menaiki podium dan menaikkan bendera serta melagukan Lagu Kebangsaan negara di arena sukan serantau dan antarabangsa termasuk atlet kurang upaya yang alhamdulillah, telah berjaya mengutip 3 pingat emas, 3 pingat perak dan 6 pingat gangsa di Kejohanan *ASEAN Para Games* yang ke-8 di Singapura pada bulan November tahun lepas.

Pemeliharaan aset fasiliti sukan dicadangkan peruntukan hampir \$4 juta di samping akaun sukan berjumlah \$208 ribu. Pembangunan sukan memerlukan pelaburan tinggi. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan melihat kaedah pengkomersialan (*Public-Private-Partnership*) bagi penyediaan prasarana dan kemudahan sukan.

Dalam membangun kumpulan atlet negara, program-program yang diperkenalkan pada tahun-tahun sebelum ini, seperti *Talent Identification (TID)*, penggunaan kaedah Sains Sukan (*sports science*), Skim Penggalak Kecemerlangan Sukan, dan Akademi Sukan telah menunjukkan hasil yang positif.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan meneruskan sinergi dengan Sekolah Sukan di Kementerian Pendidikan iaitu sekolah untuk mengumpul atlit murid yang berpotensi supaya bakat cemerlang sukan dan akademik mereka dapat dipupuk serta dipertingkatkan di bawah bimbingan jurulatih yang berdedikasi serta guru-guru akademik yang terpilih. Melalui pengawasan yang lebih tersusun dan cekap, peningkatan prestasi akademik dan sukan dapat diseimbang dan disepadukan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan memberi kerjasama dalam misi Sekolah Sukan iaitu untuk:-

1. Pembangunan atlit murid bertaraf dunia;
2. Penggunaan tenaga jurulatih profesional; dan
3. Penekanan sukan sebagai kerjaya.

Permuzakarah dengan majlis-majlis sukan, persatuan-persatuan sukan kebangsaan juga akan diadakan secara berjadual dan aktif ke arah merangka strategi kemajuan atlit dan pencapaian kecemerlangan sukan negara.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyedari menjanjikan kecemerlangan sukan seperti negara-negara yang pesat penduduk dan telah maju dalam dunia sukan bukanlah perkara yang mudah, akan tetapi apa yang kita harapkan ialah supaya perkembangan sukan di negara ini akan terus membanggakan dan meningkat dari setahun ke setahun, dan para atlet negara mampu bersaing sekurang-kurangnya di peringkat serantau dan seterusnya melangkah ke peringkat antarabangsa. Kementerian ini, dengan peruntukan yang disediakan dengan keadaan prasarana sukan yang di antaranya memerlukan usaha pensejahteraan segera akan berusaha sedaya upaya untuk mencapai hasrat Dasar Sukan Negara yang sudah wujud sejak tahun 1991. Dasar ini juga difikirkan perlu disemak semula (*review*) dalam masa yang terdekat ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam bidang Kemasyarakatan dan Kesejahteraan, kementerian ini melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (*JAPEM*) menyediakan satu sistem jaringan sosial (*social safety net*) yang meluas di negara ini untuk menjaga kesejahteraan golongan masyarakat yang tertentu, terutama sekali yang lemah dan dalam kesusahan. Dalam tempoh 1 April 2015 hingga 29 Februari 2016 yang lalu, kerajaan telah membelanjakan sebanyak \$103,799,990.00 dari segi bantuan dan pencen, bantuan kebajikan bulanan, pencen umur tua, pencen-pencen hilang upaya dan lain-lain. Jumlah ini semakin

meningkat setiap tahun atas berbagai-bagai sebab, termasuk bertambahnya penduduk yang menghadapi kesusahan kewangan dan juga meningkatnya kumpulan warga emas.

Pada bulan Februari 2016, jumlah penerima pencen adalah seramai 31,730 orang manakala jumlah penerima Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) adalah seramai 6,442 ketua keluarga. Walaupun dengan keadaan ekonomi yang mencabar masa kini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan tetap memainkan tanggungjawabnya kepada rakyat dan penduduk negara ini demi untuk memastikan kesejahteraan mereka terpelihara.

Sungguhpun demikian, pergantungan pada bantuan bukanlah satu jalan penyelesaian yang terbaik khususnya kepada yang menerima bantuan kebajikan bulanan, kerana ia berbentuk sementara dan tidak menjamin masa depan yang kukuh kepada si penerima bantuan. Tanpa usaha mereka sendiri untuk lebih berdikari dan memperbaiki kedudukan kewangan mereka, mereka ini akan terus bergantung pada bantuan. Mereka haruslah menyedari dan sama-sama mencari jalan yang lebih baik untuk menjamin masa depan mereka dan anak-anak mereka. Selaras dengan itu, kementerian ini melalui Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial (MKIS) sedang mengorak langkah yang lebih munasabah dan berdaya tahan untuk

membantu dan memperkasa golongan yang memerlukan bantuan untuk berusaha sendiri untuk memperbaiki kedudukan kewangan mereka dan membolehkan mereka keluar daripada golongan yang kurang berkemampuan atau dalam istilah lain kepompong kemiskinan. Program latihan kemahiran bagi memperkasa penerima bantuan dalam menangani isu kemiskinan dicadangkan peruntukan \$60 ribu.

Sebagai langkah awal ke arah ini, Program *Profiling* para penerima bantuan sudah pun mula dilaksanakan oleh JAPEM dan Insya-Allah akan diperluaskan lagi pada tahun ini. Melalui program ini, kita akan dapat mengenal pasti program-program yang lebih sesuai dan berkesan bagi setiap penerima bantuan, sama ada melalui program meningkatkan kemahiran, program keusahawanan ataupun sebarang program yang bersesuaian berdasarkan latar belakang dan keupayaan masing-masing. Kementerian ini juga meneliti inisiatif baharu yang terbukti telah berjaya diguna pakai di negara-negara lain yang boleh diadaptasikan dan diperkenalkan di negara ini.

Pada tahun ini, program lain yang sebelum ini telah menunjukkan keberkesanan seperti program Pengukuhan Institusi Keluarga, program yang berkaitan dengan kesejahteraan dan Keselamatan kanak-kanak, program-program memperkasa kaum wanita dan program bagi memperkasa warga emas dan warga kurang upaya akan diteruskan dan diperluaskan lagi.

Sebagai misalan, Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Tutong telah pun siap pembinaannya dengan bantuan dan sumbangan daripada sebuah syarikat swasta dan insya-Allah akan mula beroperasi tidak lama lagi. Pusat-pusat kegiatan berkenaan akan diteruskan lagi pembinaannya di daerah-daerah lain iaitu di Daerah Belait dan Daerah Temburong.

Begitu juga bantuan yang diberikan kepada persatuan-persatuan bukan kerajaan (*NGOs*) bagi membantu mengendalikan program dan aktiviti yang boleh membantu kesejahteraan kumpulan sasaran tertentu, akan masih dapat diteruskan. Di bawah inisiatif ini, Program Pengukuhan Institusi Keluarga Dan Bantuan Kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan masing-masing dicadangkan peruntukan sebanyak \$250 ribu dan \$200 ribu.

Dua isu yang akan jua diberi keutamaan tahun ini ialah menangani isu kanak-kanak. Kesejahteraan kumpulan ini sangat perlu dijaga. Dalam hal ini, Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial *MKIS* baru-baru ini telah meluluskan bagi isu kanak-kanak untuk ditangani secara khusus. Penekanan ini bukan saja akan memudahkan lagi pensejajaran program-program yang khusus bagi kepentingan dan hak kanak-kanak, malahan ia selaras dengan komitmen negara di bawah *Convention on the Rights of the Child (CRC)* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Begitu juga mengenai hak-hak dan kesejahteraan Orang-Orang Kurang

Upaya (*OKU*). Kementerian ini akan meneliti semula akan keperluan penyediaan perundangan khusus bagi menjaga kesejahteraan kumpulan sasaran ini. Kementerian ini juga akan meningkatkan kerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan seperti agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan *NGOs*, pihak swasta, persatuan-persatuan sukarelawan dan sebagainya untuk lebih memeduli kesejahteraan OKU.

Komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memelihara dan menangani kesejahteraan kumpulan-kumpulan yang lemah dan berkeperluan khas, termasuk juga warga emas, kanak-kanak, orang miskin, dan kaum wanita ini tidak akan kendur atau luntur dan akan tetap diberi perhatian segar dan keutamaan. Inilah lambang dan kewalihan kita sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja (*MIB*) yang aman makmur, yang dipimpin dengan bijaksana oleh seorang raja yang adil, berdaulat, penyayang dan sentiasa memelihara dan mengutamakan kesejahteraan rakyatnya.

Inisiatif-inisiatif baharu yang telah direncana dalam bidang kesejahteraan antaranya program fokus kepada 100 penerima Bantuan Kebajikan Bulanan untuk permasalahan mereka diambil tindakan bersepadu oleh semua jawatankuasa-jawatankuasa khas untuk dikeluarkan daripada kemiskinan dengan kaedah-kaedah yang sesuai dan Program Insentif Pekerjaan (*Work Fare*)

iaitu program yang fokus kepada golongan yang tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk menyara kehidupan harian dan persekolahan anak-anak melalui pemberian insentif agar mereka dapat terus bekerja.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Semasa interaksi dengan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik pada 10 Februari 2016, Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengemukakan pandangan dan soalan kepada perjalanan bidang tugas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang membuka minda dan jalan ke hadapan kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memikirkan langkah-langkah intervensi dan penambahbaikan.

Antara lain Ahli-ahli Yang Berhormat telah menimbulkan mengenai permohonan Bantuan Kebajikan Bulanan melalui Ketua Kampung, sambutan Hari Keluarga dan impaknya, penganjuran aktiviti belia yang tidak seimbang di daerah-daerah, pergerakan belia, reviu umur belia, pengkomersialan pemasaran Pusat Belia dan isu kanak-kanak. Semua perkara-perkara yang diketengahkan memerlukan perspektif segar. Insya-Allah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sangat-sangat menghargai keprihatinan sedemikian dan sangat dialu-alukan kehadirannya pada setiap masa.

Oleh sebab itu mengambil kira bidang tugas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah perkara sambat

malam hari masyarakat, dan prihatin mengalinga kesejahteraan insan dari buaian hingga ke liang kubur. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mengambil pendekatan memperbaiki sinergi dan jaringan kerjasama antara semua pihak yang berkepentingan sama ada antara sektor kerajaan, bukan kerajaan, swasta mahupun di peringkat kepimpinan akar umbi. *Engagement* ataupun *public consultation* mustahak untuk percambahan fikiran dan penjanaan *idea* bagi mengatasi isu dan masalah.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Peneraju Bersama Jaminan Sosial bersama Yang Berhormat Menteri Kementerian Hal Ehwal Ugama di bawah Wawasan Brunei 2035 akan banyak menggunakan pendekatan menuai fikiran/minda (*harvesting ideas*) daripada seramai mungkin pihak secara sistematik, terbuka dan telus bagi keberkesanan misinya.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan penjelasan perjalanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan peruntukannya sama ada yang dicadangkan diperuntukkan di kementerian, jabatan-jabatan dan rampaian Kementerian Kewangan, saya mengakhiri mukadimah ini, dengan satu kesimpulan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan wawasannya "Bangsa Brunei Yang Cemerlang" dan misinya Mencanai Masyarakat Cemerlang yang Beragama, Berbudaya, Penyayang, Cerdas, Bersatu padu, Dinamik dan Berwawasan memerlukan perancangan

bagi menentukan hala tujuanya disediakan berasaskan konsep perancangan strategik.

Perancangan strategik yang mempunyai ciri-ciri tertentu yang dapat dicapai dan direalisasikan seperti adanya matlamat pencapaian dan matlamat pemudah cara yang mementingkan matlamat yang dapat disukat yakni *measurable goals*, penyata-penyata prestasi utama (*KPIs*) dan faktor-faktor penentu kejayaan penting atau *critical success factors*.

Menerusinya, serta tawakal, komitmen dan iltizam yang kuat daripada seluruh warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan iltizam yang kuat daripada seluruh warga KKBS dan pihak-pihak yang berkepentingan dan pihak KKBS dengan izin kurnia taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala jua akan dapat *deliver* matlamat-matlamat yang digariskan.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang telah memberikan huraian mengenai sasarannya dan tujuan serta hala tuju kementeriannya sesuai dengan belanjawan yang kita hadapi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada senarai sebanyak 12 orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membincangkan Tajuk

Belanjawan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Untuk memulakannya saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman: Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terlebih dahulu kaola mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan atas mukadimah yang telah disampaikan. Kaola menyambut baik dan menyokong hasrat dan strategik yang dibentangkan.

Di sini kaola hendak menimbulkan perkara berhubung Jabatan Pembangunan Masyarakat. Masalah sosial seperti masalah keluarga, wanita dan kanak-kanak serta program-program bantuan kebajikan yang memerlukan, termasuk mereka yang berkeperluan khas semakin meningkat bukan sahaja dari segi kos perbelanjaan akan tetapi yang paling serius jumlah kes-kes tersebut tidak berkurangan malah meningkat dari setahun ke setahun.

Isu-isu yang begitu mencabar ini dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menyelesaikannya atau sekurang-kurangnya untuk membendung masalah tersebut dari terus menjadi parah.

Koala melihat dari tugas dan bidang tugas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang kementerian ini menghadapi cabaran yang serius. Untuk menjalankan tugasnya dengan berkesan dan berjaya ke atas 3 cabang utama iaitu Kebudayaan, Belia dan Sukan terutama bidang belia yang memerlukan perhatian yang serius terutama bila negara mengharapkan golongan belia untuk memainkan peranan mereka sebagai ejen masyarakat seperti yang disebutkan dalam mukadimah tersebut dan seterusnya menjadi belia yang berwawasan.

Sementara bidang sukan seperti yang dilaporkan pada tahun lepas berhubungan dengan keadaan negara terpaksa menarik diri dari menjadi tuan rumah kepada *Sea Games* juga memerlukan perhatian yang lebih fokus jika negara mahu meningkatkan dan memajukan sukan negara. Sejauh ini keupayaan yang terhad yang ada pada Jabatan Pembangunan Masyarakat untuk menjalankan tanggungjawabnya yang begitu besar dan luas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan antara lain menggunakan strategik untuk menjalin kerjasama dengan agensi-agensi yang lain melalui penubuhan pelbagai jawatankuasa sama ada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat jawatankuasa.

Pada pandangan kaola dengan sumber kewangan dan kepakaran tenaga yang terhad Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang tidak mempunyai pilihan yang lain. Bagaimanapun strategi ini mempunyai banyak kelemahan dari

segi keberkesanan ke atas tindakan dan program yang dijalankan sebagai misalan agensi-agensi yang terlibat dalam jawatankuasa tersebut juga mempunyai keutamaan atau *priority* di kementerian masing-masing.

Dari itu, kaola menilai sebelum masalah-masalah masyarakat bertambah serius dan boleh menjejaskan kewangan negara, kaola mencadangkan semua masalah ini ditangani oleh sebuah kementerian yang khas mengendalikan hal-ehwal kemasyarakatan. Pada pandangan kaola sudah masanya bagi pihak kerajaan untuk menubuhkan sebuah kementerian baharu iaitu Kementerian Kemasyarakatan dengan cara ini tanggungjawab berhubung masalah seperti masalah kemasyarakatan, masalah institusi keluarga, masalah wanita, masalah kanak-kanak dan masalah mereka yang berkeperluan khas akan mendapat diletakkan di bawah satu bumbung dan di bawah satu kepimpinan yang membolehkan semua masalah masyarakat dapat dinilai dengan lebih fokus dan menyeluruh serta pelan tindakan dapat dijalankan secara komprehensif. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang

Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kerana telah membentangkan mukadimahnya tadi serta menyokong peruntukan yang telah disediakan. Kaola ada 4 soalan Yang Berhormat Pengerusi.

Negara kita Brunei Darusalam telah menjadi ahli kepada beberapa pertubuhan sukan serantau dan antarabangsa. Sebagai ahli dalam pertubuhan sukan di peringkat antarabangsa. Apakah strategik negara dalam menghadapi sukan-sukan yang akan disertai pada misalnya *SEA GAMES*, Sukan Komanwel dan lain-lain sukan-sukan lain yang bertaraf dunia?

Adakah kita membuat sasaran atau *target* beberapa pingat yang akan kita perolehi di kejohanan seperti di *Sea Games* dan sukan-sukan yang lain. Yang Berhormat Pengerusi, kaola berpendapat melalui sasaran *target* tersebut sekurang-kurangnya ada cabaran dan usaha semakin tinggi bagi mencapai apa yang dikehendaki. Sektor sukan tinggi mengikut apa yang digariskan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ialah fokus kepada 4 kategori yang utama:-

1. Program pembangunan sukan kebangsaan;
2. Penyertaan sukan serantau antarabangsa;
3. Menganjurkan sukan serantau dan antarabangsa; dan

4. Menyediakan infrastruktur ataupun kemudahan sukan yang bertaraf antarabangsa.

Kita merasa optimis dan menyokong sepenuhnya usaha yang telah digariskan dan berharap ianya akan menjadi kenyataan.

Soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi. Adakah perancangan kementerian untuk menyediakan (memang tadi ada disebut) pakar-pakar sukan yang bertaraf dunia seumpamanya jurulatih yang berpengalaman (sudah disebut juga) dalam bidang tertentu seperti yang diamalkan oleh negara-negara yang maju dalam bidang sukan.

Kenapakah kita tidak menyertai acara-acara yang kurang memerlukan tenaga seperti memanah, menembak, *bowling* dan seumpamanya?

Kaola berpendapat sukan-sukan tersebut memerlukan konsentrasi, emosi dan kepakaran berbanding dengan acara sukan yang lain lebih kepada fizikal, kekuatan, piawaiian ataupun standard antarabangsa.

Isu-isu sosial ada 12 isu-isu sosial yang digariskan oleh jawatankuasa yang ahli yang dikendalikan oleh berbagai-bagai agensi terdiri daripada sektor awam dan sektor swasta. Mereka ini adalah berperanan sebagai peneraju bagi strategi jaminan sosial. Daripada 12 isu yang digariskan, isu kemiskinan menjadi salah satu isu yang telah diberikan perhatian dan keutamaan.

Saya ingin bertanya:-

1. Apakah hasil keputusan kajian mengenai isu kemiskinan yang dibuat beberapa tahun yang lalu. Adakah tahap kemiskinan menurun atau sebagainya?.
2. Dari hasil kajian tersebut apakah sudah ada kejayaan mengenai orang-orang miskin yang telah dibantu?; dan
3. Mengenai muzium atau penutupan Muzium Brunei. Penutupan Muzium Brunei telah bermula pada 28 Januari 2014 disebabkan kerosakan struktur bangunan, tanah susur yang berlaku pada 23 Januari 2014 dan tanah susur kali kedua pada 12 Februari 2014 (menurut laporan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan). Beberapa artifak dan pameran telah dipindahkan kepada beberapa lokasi yang bersesuaian di negara ini.

Kita memahami bahawa untuk membaik pulih bangunan tersebut mengambil masa yang lama dan memerlukan kos yang tinggi. Dalam kes tersebut adakah pihak kementerian berhajat untuk membina bangunan baharu untuk menggantikan bangunan yang sedia ada, tanpa memindah lokasi kerana tempat berkenaan mempunyai nilai sejarah yang bernilai tinggi?

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah.
Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih juga atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Kaola menyokong sepenuhnya Belanjawan B\$85.1 juta itu dalam melaksanakan program-program termasuk Program 4K Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sampaikan sebentar tadi. Kaola ada 4 tajuk untuk disuarakan:-

1. Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) ke-5 telah pun menamatkan latihan mereka pada hari Isnin, 14 Mac yang baru lalu. Kita menyedari bahawa program sedemikian ini amat berfaedah kepada belia kita bagi melengkapkan mereka dengan ilmu pengetahuan dan kefahaman dalam menghadapi cabaran-cabaran masa depan menuju ke arah Wawasan Brunei 2035.

Keunikan program tersebut ialah dapat membentuk jati diri, semangat beragama, berpasukan dengan penekanan terhadap nilai-nilai

Kebruneian seperti taat kepada raja, mentaati ajaran agama, penuh berdisiplin dan bantu-membantu ke arah Konsep Melayu Islam Beraja. Sepanjang tempoh 12 minggu mereka telah didedahkan dan diajar dengan pelbagai aspek pengetahuan dan ilmunan. Kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala mudah-mudahan rebung muda yang kita lentur ini akan menjadi buluh yang amat berguna dalam mengubah *mindset* belia kita sebagai generasi berwawasan dan pemangkin kemajuan dan pemimpin masa depan negara. Dalam pemikiran kaola *platform* yang kita guna pakai sekarang ini sesuai sebagai pemangkin aspirasi belia.

Kaola hanya ingin mencadangkan supaya aspek-aspek seperti berikut dapat diselitkan dalam Program PKBN, jika difikirkan bersesuaian:-

- i. Kefahaman berpersatuan dalam Negara Melayu Islam Beraja;
 - ii. Ciri-ciri mentransformasi minda (*mindset*) belia; dan
 - iii. Keusahawanan dan kepimpinan, berjiwa besar lagi komited dalam mencerminkan keunggulan belia di Negara Brunei Darussalam seperti mana yang disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sebentar tadi.
2. Tajuk SL02A - Dewan Bahasa dan Pustaka - Beberapa tahun

dahulu pihak Dewan Bahasa dan Pustaka pernah berura-ura untuk mewujudkan sebuah *library* di Mukim Liang yang dicadangkan untuk ditempatkan di Pejabat Pos, Lumut. Tetapi sehingga kini belum dapat dilaksanakan. Pernah juga berbincang mengenainya dengan mewujudkan *Mukim Buku* di mukim tersebut, tetapi tidak juga kesampaian sehingga sekarang.

Kaola ingin bertanya perkembangan pemikiran-pemikiran yang telah diluahkan itu dan bila ianya boleh menjadi satu kenyataan?;

3. Tajuk SL03A - Jabatan Belia dan Sukan. Sukan bolasepak memang diminati ramai oleh golongan belia kita. Belia yang tinggal dalam bandar bernasib baik kerana mempunyai kemudahan-kemudahan sukan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Tetapi belia yang tinggal di mukim-mukim dan kampung kurang atau tidak mempunyai kemudahan-kemudahan sukan yang lengkap seperti di bandar-bandar. Mereka mengadakan latihan sukan dengan meminjam padang-padang bola sepak sekolah atau swasta di mukim masing-masing. Dengan bilangan padang bola yang terhad, para belia kampung terpaksa mengadakan latihan dan permainan sukan menggunakan mana-mana tanah lapang yang ada di kawasan kampung dan mukim masing-masing sahaja.

Soalan kaola, kaola memohon supaya kemudahan-kemudahan sukan bagi keperluan pencinta sukan tanah air khususnya padang bola di mukim-mukim dapat diusahakan; dan

4. Tajuk SL06A - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM). Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menyuarakan kebimbangan tentang bertambahnya bilangan anak-anak damit lahir di luar nikah.

Statistik anak-anak damit sedemikian ini dari setahun ke setahun semakin bertambah. Ini berdasarkan kepada fakta yang kaola terima semasa engagihan wang zakat Asnaf anak-anak yatim pada tiap-tiap tahun. Kaola maklum bahawa anak-anak damit ini diiktiraf, mengikut Fatwa Mufti, sebagai anak yatim. Mereka berhak menerima agihan wang zakat untuk anak-anak yatim. Kaola tidak terlintas untuk mempersoalkan, mempertikaikan akan fatwa yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Kaola hanya bersimpati akan nasib anak-anak yang di luar nikah ini.

Dalam hubungan ini, kaola ingin bertanya apakah program dalam pemikiran pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan khususnya Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dalam jangka panjang, untuk sama-sama kita memberi kesedaran yang mendalam

kepada kaum belia remaja di tanah air bagi usaha mengurangkan kesan emosi yang mungkin akan timbul dan dirasai atau ditanggung oleh anak-anak yang di luar nikah ini nanti.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada baiknya Mesyuarat di Peringkat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara dan saya ingin untuk mencadangkan supaya persidangan kita ini kita tangguhkan untuk membolehkan kita berihat. Insya Allah, kita akan bersidang semula pada jam 2.30 petang nanti.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)